



## **JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**- Pembangunan Sistem Perakaunan Akruan  
Kerajaan Negeri (iSPEKS)**



**KEMENTERIAN KEWANGAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PEMBANGUNAN SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN  
KERAJAAN NEGERI (iSPEKS)**

**Perkara Utama**

**Apa yang diaudit?**

- Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) dibangunkan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan ke arah lanskap perakaunan akruan dengan merekod, memproses dan mengurus transaksi kewangan bagi menjana penyata kewangan akruan Kerajaan Negeri.
- Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan iSPEKS telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektifnya iaitu mewujudkan sistem perakaunan akruan dan mengeluarkan penyata kewangan akruan yang seragam bagi 11 Kerajaan Negeri, tidak termasuk Sabah dan Sarawak.
- Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan pembangunan iSPEKS. Prestasi pembangunan sistem dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome).
- Pencapaian output merangkumi prestasi pembangunan keseluruhan iSPEKS, pelaksanaan *go-live* dan prestasi pencapaian objektif pembangunan iSPEKS.
- Pencapaian keberhasilan merangkumi perkara berikut:
  - Penyata kewangan akruan dan laporan berkaitan dapat dijana secara *real time*.
  - Ketepatan penyata kewangan akruan Kerajaan Negeri yang dijana.
  - Kepuasan pengguna mengenai keberkesanan iSPEKS, integriti data, ketepatan data, kesahihan transaksi dan kawalan akses pengguna.
- Pengurusan pembangunan sistem merangkumi prestasi kewangan, pembekalan perkakasan dan pengurusan aduan berdasarkan Perjanjian Tahap Perkhidmatan [Service Level Agreement (SLA)].

- Pengauditan dilaksanakan di Bahagian Khidmat Perunding, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) serta Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan.

### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pembangunan iSPEKS adalah selaras dengan Model Ekonomi Baru 2011-2020 yang menetapkan pemakaian perakaunan akruan sebagai salah satu program transformasi sektor awam.
- Kerajaan telah memperuntukkan RM36.10 juta bagi membangunkan iSPEKS ke arah sistem pengurusan fiskal yang lebih komprehensif dan berhemat.

### Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pembangunan iSPEKS tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Maklumat penyata kewangan Kerajaan Negeri asas tunai ubah suai yang dijana melalui iSPEKS dan maklumat yang dikemukakan untuk diaudit adalah berbeza. Perkara ini disebabkan pelarasan yang dibuat oleh Perbendaharaan Negeri terhadap penyata kewangan yang dijana melalui iSPEKS menggunakan platform sokongan lain. Selain itu, laporan asas akruan belum dibuat semakan untuk disahkan ketepatannya. Terdapat juga beberapa kelemahan sistem dari segi kawalan aplikasi yang tidak selaras dengan peraturan ditetapkan. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
  - Kelewatan dalam *go-live* iSPEKS di 11 Kerajaan Negeri antara bulan Januari 2017 hingga April 2021 berbanding tarikh *go-live* asal yang ditetapkan pada 1 Januari 2016. Tempoh kelewatan adalah antara satu hingga lima tahun.
  - Pertambahan kos kepada Kerajaan berjumlah RM3.12 juta bagi melanjutkan tempoh kontrak perkhidmatan penyelenggaraan khidmat sokongan aplikasi dan perkakasan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) kerana penangguhan tarikh *go-live* di Kerajaan Negeri.
  - Pertambahan kos berjumlah RM13.30 juta atau 58.3% daripada kos asal pembangunannya bagi penambahan skop *Reversal and Reclassification* dan *Change Request* untuk menjana laporan asas tunai ubah suai disebabkan penangguhan pelaksanaan perakaunan akruan.

- Perbendaharaan Negeri Selangor menanggung kos tambahan sewaan lokasi dan rangkaian internet di Cyberjaya berjumlah RM313,000 bagi tempoh 1 Ogos 2018 hingga 31 Oktober 2019 untuk menempatkan perkakasan *disaster recovery centre*. Tempoh waranti bagi perkakasan tersebut telah tamat pada 31 Disember 2019 manakala iSPEKS hanya *go-live* di Perbendaharaan Negeri Selangor pada 8 Januari 2020.
- 34 unit *barcode printer* dan 34 unit *desktop barcode scanner* di Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan berjumlah RM150,960 belum digunakan dan tempoh waranti telah tamat pada 31 Disember 2019 iaitu sebelum tarikh *go-live* pada 8 Januari 2020.
- 67 Arahan Pembayaran di Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan berjumlah RM11.52 juta telah disemak dan diluluskan oleh pegawai yang sama.
- 29 Arahan Pembayaran berjumlah RM1.527 bilion di Perbendaharaan Negeri Sembilan telah diluluskan melebihi had nilai kelulusan yang dibenarkan dalam iSPEKS.
- Caj maksimum SLA berjumlah RM24,541 adalah jauh lebih rendah berbanding kiraan sebenar yang boleh dikenakan kepada kontraktor iaitu berjumlah RM937,300.

#### Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:
  - JANM perlu memantau perancangan pembangunan sistem, kemajuan sebenar dan pelaksanaan *go-live* sistem dengan lebih teliti bagi mengelakkan kelewatan ketara dan pertambahan kos kepada Kerajaan.
  - JANM perlu melaksanakan pengujian di peringkat pembangunan dengan lebih teliti dan menyeluruh bagi memastikan ketepatan angka laporan yang dijana melalui iSPEKS.
  - JANM perlu menyediakan pengurusan kawalan aplikasi yang efektif bagi menjamin keselamatan dan integriti data.



# KEMENTERIAN KEWANGAN

## JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

### 1. PEMBANGUNAN SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (iSPEKS)

#### FAKTA UTAMA

<b>1 Januari 2016</b>	<b>RM36.10 Juta</b>	<b>Kontraktor</b>
• iSPEKS sepatutnya mula go-live di 11 Kerajaan Negeri	• Kos keseluruhan pembangunan iSPEKS (2014 hingga 2021)	• satu syarikat dilantik secara rundingan terus
<b>Jabatan Akauntan Negara Malaysia</b>	Mengawal selia pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan iSPEKS	
<b>Objektif iSPEKS</b>	Mewujudkan sistem perakaunan akruan yang seragam bagi 11 Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan penyata kewangan akruan	
<b>Keberhasilan iSPEKS</b>	Menghasilkan penyata kewangan yang seragam bagi tujuan pengukuran prestasi dan kebolehbandingan di antara Kerajaan Negeri	
<b>Fungsi</b>	Mengeluarkan penyata kewangan asas tunai ubah suai dan asas akruan	
<b>Jumlah Modul</b>	• 16 Modul Fungsian • 5 Modul Teknikal	
<b>Pengguna</b>	11 buah Kerajaan Negeri Semenanjung Malaysia	

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan pada bulan November 1996 telah memutuskan supaya sistem perakaunan yang standard diwujudkan di setiap negeri. Lanjutan daripada keputusan tersebut, semua negeri melalui Mesyuarat Pegawai Kewangan Negeri pada bulan November 2001 telah bersetuju melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). SPEKS merupakan sistem perakaunan berdasarkan perakaunan tunai ubah suai dan mula digunakan sejak bulan Mac 2002 di 11 Kerajaan Negeri, tidak termasuk Sabah dan Sarawak yang telah mempunyai sistem masing-masing. Objektif utama pembangunan SPEKS adalah seperti berikut:

- Menambahbaik pentadbiran kewangan Kerajaan Negeri;
- Meningkatkan produktiviti dan keberkesanan dalam pengurusan kewangan; dan
- Menyediakan penyata kewangan yang tepat dan cepat.

1.2. Pada 30 Mac 2010, Model Ekonomi Baru 2011 hingga 2020 telah dilancarkan dan menetapkan pemakaian perakaunan akruan sebagai salah satu program transformasi sektor awam. Antara objektif transformasi daripada perakaunan asas tunai ubah suai kepada asas akruan adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kebertanggungjawaban, ketelusan dan akauntabiliti Kerajaan dalam pengurusan kewangan dan akaun;


- b. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Kerajaan dalam pengurusan kewangan yang lebih baik dengan gambaran kedudukan kewangan Kerajaan yang lebih menyeluruh dan tepat dengan mengambil kira kos aset dan liabiliti;
- c. Menambahbaik pengurusan dan perakaunan Kerajaan melalui tadbir urus yang baik dan membantu dalam membuat dasar fiskal kewangan negara; dan
- d. Memperkasakan kementerian dan agensi untuk bertanggungjawab bagi pendapatan dan perbelanjaan masing-masing.

1.3. YAB Perdana Menteri telah meluluskan pelaksanaan Perakaunan Akruan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Strategic Reform Initiative - Public Finance Reform* pada 11 Mei 2011. YAB Perdana Menteri juga melalui Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada tahun 2013 telah meluluskan pelaksanaan perakaunan akruan bagi Kerajaan Negeri bermula tahun 2016.

1.4. Pada tahun 2014, Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) mula dibangunkan bagi merekod, memproses dan mengurus transaksi kewangan Kerajaan Negeri termasuk menjana penyata kewangan akruan Kerajaan Negeri. Objektif adalah mewujudkan sistem perakaunan akruan yang seragam bagi 11 Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia untuk mengeluarkan penyata kewangan akruan. Keberhasilan (outcome) bagi pembangunan iSPEKS adalah menghasilkan penyata kewangan yang seragam bagi tujuan pengukuran prestasi dan kebolehbandingan antara Kerajaan Negeri.

1.5. Pembangunan iSPEKS di peringkat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dikawal selia oleh Jawatankuasa Pemandu Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA) yang dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia, Jawatankuasa Teknikal SAGA yang dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan Jawatankuasa Pembangunan iSPEKS yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP), JANM. Selain itu, pelaksanaan iSPEKS di peringkat Kerajaan Negeri pula dikawal selia oleh Jawatankuasa Pelaksana Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan Pasukan Petugas iSPEKS Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Bendahari Negeri. Struktur tadbir urus projek bagi pembangunan dan pelaksanaan iSPEKS adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**STRUKTUR TADBIR URUS PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN iSPEKS**



Sumber: Slaid Taklimat Mesyuarat Penutup iSPEKS oleh JANM Pada 13 April 2021

1.6. BKP merupakan bahagian utama di JANM yang bertanggungjawab dalam memantau pembangunan dan pelaksanaan iSPEKS. Fungsi utama BKP adalah seperti berikut:

- Memberi perkhidmatan perundingan dan kelulusan rekabentuk dalam pembangunan sistem kewangan dan perakaunan kepada Kerajaan Persekutuan dan Agensi Kerajaan;
- Memberi perkhidmatan perundingan, pembangunan, penyenggaraan dan sokongan teknikal sistem kewangan dan perakaunan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri; dan
- Menetapkan peraturan, prosedur kewangan dan perakaunan serta perkhidmatan perundingan untuk Kerajaan Persekutuan dan Agensi Kerajaan.

1.7. Kontraktor yang dilantik bagi pembangunan iSPEKS merupakan kontraktor yang sama bagi pembangunan SPEKS iaitu syarikat 120381-M. Kontraktor tersebut dilantik secara rundingan terus dengan kos projek berjumlah RM22.80 juta bagi tempoh 1 Mei 2014 hingga 30 April 2017. Skop pembangunan iSPEKS melibatkan penambahbaikan terhadap SPEKS dengan mengambil kira keperluan pengurusan perakaunan secara akruan. Bagaimanapun, projek ini mengalami dua kali penambahan skop iaitu bagi kontrak *Supplemental 1* dan *Supplemental 3* masing-masing berjumlah RM1.50 juta dan RM11.80 juta. Selain itu, pembangunan iSPEKS turut menghadapi

pelanjutan tempoh kontrak tanpa melibatkan pertambahan kos iaitu bagi kontrak *Supplemental 2* dan *Supplemental 4*. Butiran lanjut mengenai maklumat kontrak dan kos pembangunan iSPEKS adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**MAKLUMAT KONTRAK DAN KOS PEMBANGUNAN iSPEKS**

BIL.	KONTRAK	KOS PEMBANGUNAN (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK	KETERANGAN
1.	Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014	22.80	01.05.2014 hingga 30.04.2017	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan dan pelaksanaan iSPEKS untuk kegunaan Kerajaan Negeri</li> <li>Membuat penambahbaikan terhadap SPEKS dengan menambah keperluan pengurusan akaun secara akruan</li> </ul>
2.	<i>Supplemental 1</i> (R&R)	1.50	01.10.2015 hingga 30.04.2017	Penambahan skop <i>Reversal and Reclassification</i> (R&R) bagi menjana laporan secara asas tunai
3.	<i>Supplemental 2</i> (EOT)	-	01.05.2017 hingga 30.04.2019	Pelanjutan tempoh kontrak (EOT) tanpa kos
4.	<i>Supplemental 3</i> (VO R&R)	11.80	01.11.2018 hingga 31.10.2020	Penambahan skop (VO) dan pelanjutan tempoh kontrak iSPEKS bagi pembangunan <i>Change Request</i> dan tambahan modul bagi R&R
5.	<i>Supplemental 4</i> (EOT)	-	01.11.2020 hingga 31.10.2021	Pelanjutan tempoh kontrak tanpa kos
<b>JUMLAH</b>		<b>36.10</b>		

Sumber: Dokumen Kontrak


1.8. iSPEKS mempunyai 16 Modul Fungsian dan lima Modul Teknikal seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**MODUL FUNGSIAN DAN TEKNIKAL DALAM iSPEKS**

BIL.	MODUL FUNGSIAN	BIL.	MODUL TEKNIKAL
1.	Pendahuluan dan Tuntutan (AC)	1.	<i>Barcode</i> (BRC)
2.	Pengurusan Aset dan Inventori (AIM)	2.	<i>Business Intelligence</i> (BI)
3.	Akaun Belum Bayar (AP)	3.	Pengurusan Dokumen (DMS)
4.	Akaun Belum Terima (AR)	4.	Portal (PT)
5.	Bajet (BA)	5.	Integrasi Luar (INT)
6.	Pengurusan Tunai (CM)		
7.	Pengurusan Kontrak (COM)		
8.	Gaji (PY)		
9.	Perolehan (PROC)		
10.	Pinjaman Kakitangan (SL)		
11.	Lejar Am (GL)		
12.	Perakaunan Projek (PA)		
13.	Pelaburan (INV)		
14.	Pinjaman (LN)		
15.	Pengekosan Negeri (NCOST)		
16.	Pentadbiran dan Keselamatan (SAM)		

Sumber: Slaid Taklimat Mesyuarat Pembukaan iSPEKS oleh JANM Pada 13 April 2021

1.9. Kesemua modul dalam iSPEKS berfungsi dalam menghasilkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri berasaskan tunai ubah suai dan akruan. Carta alir iSPEKS dan modul berkaitan adalah seperti dalam **Rajah 1**.



Sumber: Slaid Taklimat Overview iSPEKS oleh JANM Pada 5 Oktober 2020

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan iSPEKS telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektifnya iaitu mewujudkan sistem perakaunan akruan dan mengeluarkan penyata kewangan akruan yang seragam bagi 11 Kerajaan Negeri.

## 3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan pembangunan iSPEKS. Prestasi pembangunan sistem dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome).

- Pencapaian output merangkumi prestasi pembangunan keseluruhan iSPEKS, pelaksanaan *go-live* dan prestasi pencapaian objektif pembangunan iSPEKS.
- Pencapaian keberhasilan merangkumi perkara berikut:
  - penyata kewangan akruan dan laporan berkaitan dapat dijana secara *real time*;
  - ketepatan Penyata Kewangan Akruan Kerajaan Negeri yang dijana; dan

- iii. kepuasan pengguna mengenai keberkesanan iSPEKS, integriti data, ketepatan data, kesahihan transaksi dan kawalan akses pengguna.
- 3.2. Pengurusan pembangunan sistem merangkumi prestasi kewangan, pembekalan perkakasan dan pengurusan aduan berdasarkan Perjanjian Tahap Perkhidmatan [Service Level Agreement (SLA)].
- 3.3. Pengauditan dilaksanakan di BKP, JANM serta Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan. Semakan terhadap dokumen iSPEKS meliputi tempoh tahun 2010 hingga 2021, manakala analisis data Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan dibuat meliputi tempoh bulan Januari 2020 hingga September 2021. Selain itu, pengauditan juga meliputi enam Modul Fungsian iaitu Akaun Belum Bayar (AP), Akaun Belum Terima (AR), Pengurusan Tunai (CM), Pengurusan Kontrak (COM), Gaji (PY) dan Pentadbiran dan Keselamatan (SAM) serta satu Modul Teknikal iaitu Pengurusan Dokumen (DMS).

#### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat, dokumen kontrak dan dokumen kewangan di BKP, JANM, Jabatan Audit Negara serta Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan. Selain itu, *walkthrough* sistem di Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan serta analisis data daripada soal selidik penggunaan iSPEKS juga dilaksanakan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat dan pengguna di Perbendaharaan Negeri yang dilawati serta pemeriksaan fizikal terhadap aset yang diguna pakai turut dijalankan.

#### **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan antara bulan September hingga November 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas JANM telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 20 Januari 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

##### **5.1. Prestasi Pembangunan Sistem**

###### **5.1.1. Pencapaian Output**

###### **5.1.1.1. Prestasi Pembangunan Keseluruhan**

*Schedule 12 Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014* menetapkan 16 Modul Fungsian dan lima Modul Teknikal perlu dibangunkan. Klausus tersebut turut menetapkan pengujian sistem, perkakasan, migrasi data, latihan kepada pengguna dan *go-live* sistem.

### a. Prestasi Pembangunan Modul iSPEKS

- i. *Schedule 4* Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014 menetapkan pembangunan 14 Modul Fungsian perlu disiapkan pada 19 Jun 2015 manakala baki dua Modul Fungsian iaitu modul Pengekosan Negeri (NCOST) serta modul Pengurusan Aset dan Inventori (AIM) dan kesemua lima Modul Teknikal perlu disiapkan pada 1 Julai 2015.
- ii. Semakan Audit mendapati pembangunan modul tidak dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan dalam kontrak utama dan kontrak tambahan yang telah diluluskan. Berdasarkan maklum balas JANM pada 12 Januari 2022, kelewatan ini berlaku antaranya disebabkan keperluan pengguna mengambil masa untuk dimuktamadkan bagi mengambil kira kompleksiti dan input daripada pengguna yang berbeza-beza. Tarikh siap pembangunan kesemua modul iSPEKS adalah seperti dalam **Jadual 3** dengan kelewatan antara lapan hingga 1,397 hari.

**JADUAL 3**  
**PEMBANGUNAN MODUL iSPEKS LEWAT DISIAPKAN**

BIL.	MODUL	STATUS		TEMPOH KELEWATAN (Hari)
		TARIKH SEPATUTNYA SIAP (Kontrak)	TARIKH SIAP SEBENAR	
<b>MODUL FUNGSIAN</b>				
1.	Akaun Belum Terima (AR)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 28.03.2016	24.01.2020	1,397
2.	Pengurusan Kontrak (COM)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 23.12.2015	22.04.2019	1,216
3.	Perakaunan Projek (PA)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 28.03.2016	18.06.2019	1,177
4.	Pelaburan (INV)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 28.03.2016	12.02.2018	686
5.	Akaun Belum Bayar (AP)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 23.12.2015	19.07.2017	574
6.	Pengekosan Negeri (NCOST)	Utama: 01.07.2015 Supp 1: 28.03.2016 Supp 2: 15.11.2017 Supp 3: 23.05.2019	12.10.2020	508
7.	Bajet (BA)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 23.12.2015 Supp 2: 15.11.2017	20.03.2019	490
8.	Pentadbiran dan Keselamatan (SAM)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 23.12.2015 Supp 2: 15.11.2017	24.10.2018	343
9.	Pinjaman (LN)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 28.03.2016	03.03.2017	340
10.	Pengurusan Aset dan Inventori (AIM)	Utama: 01.07.2015 Supp 1: 28.03.2016 Supp 2: 15.11.2017 Supp 3: 17.12.2018	11.09.2019	268
11.	Lejar Am (GL)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 23.12.2015	30.06.2016	190
12.	Gaji (PY)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 23.12.2015	28.06.2016	188
13.	Perolehan (PROC)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 23.12.2015	28.06.2016	188

BIL.	MODUL	STATUS		TEMPOH KELEWATAN (Hari)
		TARIKH SEPATUTNYA SIAP (Kontrak)	TARIKH SIAP SEBENAR	
14.	Pendahuluan dan Tuntutan (AC)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 28.03.2016	26.08.2016	151
15.	Pinjaman Kakitangan (SL)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 28.03.2016	28.06.2016	92
16.	Pengurusan Tunai (CM)	Utama: 19.06.2015 Supp 1: 23.12.2015	21.03.2016	89
<b>MODUL TEKNIKAL</b>				
1.	Integrasi Luar (INT)	Utama: 01.07.2015 Supp 1: 28.03.2016	13.07.2018	837
2.	<i>Business Intelligence</i> (BI)	Utama: 01.07.2015 Supp 1: 28.03.2016 Supp 2: 15.11.2017 Supp 3: 28.01.2019	22.11.2019	298
3.	Pengurusan Dokumen (DMS)	Utama: 01.07.2015 Supp 1: 28.03.2016	29.12.2016	276
4.	<i>Barcode</i> (BRC)	Utama: 01.07.2015 Supp 1: 28.03.2016	25.05.2016	58
5.	Portal (PT)	Utama: 01.07.2015 Supp 1: 28.03.2016	05.04.2016	8

Sumber: Dokumen Kontrak dan *Supplementary* serta Dokumen JANM Accrual Completion Date

Nota: Supp - *Supplemental*

### Maklum balas JANM yang diterima pada 12 Januari 2022

*Resource Assessment Analysis* yang dilaksanakan oleh pihak perunding pada tahun 2019 ke atas prestasi pihak kontraktor mendapati perkara berikut:

- System Analyst* menanggung bebanan kerja yang terlalu banyak sehingga menyebabkan berlakunya kelewatan dalam pembangunan iSPEKS.
- Terdapat beberapa tugas yang tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan dalam pelaksanaan *Training on Trainers* dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan pekerja pihak kontraktor.
- Kebergantungan terhadap *Solution Architect* telah menyebabkan aktiviti projek tidak dapat dijalankan secara serentak dan seterusnya menyebabkan kelewatan pembangunan.
- Programmer* mempunyai banyak peranan lain seperti membangunkan modul asal, *Change Request*, *logs* dan *bugs* serta yang berperanan sebagai *System Analyst*.

Pembangunan perlu diteruskan dengan kontraktor yang sama disebabkan justifikasi berikut:

- Pihak kontraktor telah membangunkan SPEKS selama 12 tahun dan lebih memahami struktur data SPEKS bagi memudahkan proses migrasi data.
- iSPEKS dibangunkan berasaskan SPEKS dengan penambahan fungsi akruan dan dual pelaporan.

- c. Sekiranya iSPEKS dibangunkan oleh kontraktor lain, ia akan melibatkan kos yang lebih tinggi kerana perlu melibatkan kajian dan pemahaman SPEKS oleh kontraktor baru bagi membangunkan iSPEKS.

Kelewatan dalam pembangunan ini menyebabkan perubahan strategi perlu dilakukan bagi memastikan projek dapat disiapkan. Kesemua perubahan strategi ini adalah seperitima yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SAGA (iSPEKS) Bilangan 4 Tahun 2015, Bilangan 4 Tahun 2016, Bilangan 1 Tahun 2017, Bilangan 2 Tahun 2018 dan Bilangan 2 Tahun 2019 selaras dengan terma rujukan Jawatankuasa Pemandu SAGA.

Pihak JANM juga telah mengeluarkan surat amaran kepada pihak kontraktor sebanyak dua kali melalui surat bertarikh 17 Disember 2014 dan 29 Ogos 2019 atas kelewatan penyiapan projek.

### **b. Pengujian Sistem**

- i. Ujian Penerimaan Pengguna [User Acceptance Test (UAT)] dijalankan bagi menguji ciri-ciri dan fungsi sistem serta kemungkinan kegagalan aktiviti semasa pembangunan sistem sebelum sistem digunakan. UAT dijalankan sebelum pelaksanaan *go-live* sesuatu modul/aktiviti. *Schedule 12* Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014 menetapkan UAT hendaklah dilaksanakan sebelum 25 September 2015.
- ii. Semakan Audit mendapati UAT bagi kesemua 21 modul telah dilaksanakan. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, hanya sembilan modul telah dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan manakala 12 modul lewat dilaksanakan mengikut tempoh ditetapkan dalam kontrak utama dan kontrak tambahan yang telah diluluskan, iaitu kelewatan antara 22 hingga 1,272 hari. Kelewatan ini berlaku antaranya disebabkan pengujian sistem yang perlu dilakukan beberapa kali kerana pembangunan yang tidak menepati jangkaan output. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**USER ACCEPTANCE TEST**

BIL.	MODUL	STATUS	TARIKH SEPATUTNYA DILAKSANAKAN (Kontrak)	TARIKH PENGUJIAN SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
1.	Akaun Belum Terima (AR)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016	24.12.2019	1,272
2.	Perakaunan Projek (PA)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	10.09.2019	650
3.	Pengurusan Tunai (CM)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016	14.02.2018	594

BIL.	MODUL	STATUS	TARIKH SEPATUTNYA DILAKSANAKAN (Kontrak)	TARIKH PENGUJIAN SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
4.	Bajet (BA)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	30.04.2019	517
5.	Pengurusan Kontrak (COM)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	22.04.2019	509
6.	Akaun Belum Bayar (AP)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016	19.07.2017	384
7.	Pengekosan Negeri (NCOST)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017 Supp 3: 13.06.2019 Supp 4: 11.10.2019	28.10.2020	383
8.	Pentadbiran dan Keselamatan (SAM)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	24.10.2018	329
9.	Integrasi Luar (INT)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	13.07.2018	226
10.	Pengurusan Aset dan Inventori (AIM) - Pengurusan Aset	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017 Supp 3: 21.12.2018	26.06.2019	187
11.	Lejar Am (GL)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016	29.09.2016	91
12.	Gaji (PY)	Lewat	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016	22.07.2016	22
13.	Pengurusan Dokumen (DMS)	Ikut jadual	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	21.06.2016	-
14.	Pinjaman Kakitangan (SL)	Ikut jadual	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	29.06.2016	-
15.	Pendahuluan dan Tuntutan (AC)	Ikut jadual	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	26.08.2016	-
16.	Barcode (BRC)	Ikut jadual	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	21.09.2016	-
17.	Pelaburan (INV)	Ikut jadual	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	26.02.2017	-
18.	Pinjaman (LN)	Ikut jadual	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	26.03.2017	-
19.	Perolehan (PROC)	Ikut jadual	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017	05.04.2017	-
20.	Portal (PT)	Ikut jadual	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017 Supp 3: 13.06.2019 Supp 4: 28.10.2020	24.04.2019	-
21.	Business Intelligence (BI)	Ikut jadual	Utama: 25.09.2015 Supp 1: 30.06.2016 Supp 2: 29.11.2017 Supp 3: 11.02.2019 Supp 4: 05.12.2019	28.11.2019	-

Sumber: Dokumen Kontrak Utama dan *Supplementary* serta Dokumen JANM Accrual Completion Date

Nota: Supp - *Supplemental*

## **Maklum balas JANM yang diterima pada 12 Januari 2022**

Kelewatan dalam pembangunan iSPEKS menyumbang kepada kelewatan dalam pelaksanaan UAT. Selain itu, pengujian UAT juga tertakluk kepada kesediaan pihak pengguna di Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pengujian tersebut.

### **c. Change Request**

- i. *Change Request* merupakan penambahbaikan terhadap proses dalam sistem yang disebabkan perubahan dasar atau keperluan pengguna yang perlu diselaraskan semasa dalam tempoh pembangunan. Ia dibuat bagi menambah baik proses kerja sedia ada yang telah dibangunkan. *Appendix 9, Kontrak Supplemental 3* menetapkan *Change Request* hendaklah disiapkan sebelum 28 Jun 2019.
- ii. Semakan Audit mendapati kesemua 176 *Change Request* bagi 15 modul telah lewat disiapkan dengan kelewatan antara 34 hingga 727 hari yang disebabkan oleh kelewatan dalam pembangunan modul. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**CHANGE REQUEST LEWAT DISIAPKAN**

BIL.	MODUL	BILANGAN CHANGE REQUEST	TARIKH SEPATUTNYA SIAP (Kontrak)	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
1.	Bajet (BA)	19	28.06.2019	24.06.2021	727
2.	Pendahuluan dan Tuntutan (AC)	15	28.06.2019	24.06.2021	727
3.	Perolehan (PROC)	16	28.06.2019	24.06.2021	727
4.	Pengurusan Kontrak (COM)	7	28.06.2019	24.06.2021	727
5.	Akaun Belum Bayar (AP)	7	28.06.2019	24.06.2021	727
6.	Gaji (PY)	22	28.06.2019	24.06.2021	727
7.	Akaun Belum Terima (AR)	18	28.06.2019	10.02.2021	593
8.	Pinjaman Kakitangan (SL)	6	28.06.2019	13.08.2020	412
9.	Pengurusan Tunai (CM)	16	28.06.2019	22.07.2020	390
10.	Lejar Am (GL)	12	28.06.2019	08.07.2020	376
11.	Pelaburan (INV)	21	28.06.2019	24.12.2019	179
12.	Pengurusan Aset dan Inventori (AIM)	6	28.06.2019	27.11.2019	152
13.	Pinjaman (LN)	2	28.06.2019	22.09.2019	86
14.	Perakaunan Projek (PA)	4	28.06.2019	10.09.2019	74
15.	Pentadbiran dan Keselamatan (SAM)	5	28.06.2019	01.08.2019	34
<b>JUMLAH</b>		<b>176</b>			

Sumber: Dokumen Kontrak *Supplemental 3* dan Dokumen JANM *Accrual Completion Date*

## **Maklum balas JANM yang diterima pada 24 Januari 2022**

Berlaku perubahan dalam strategi daripada secara Fasa kepada *Bucket* yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SAGA (iSPEKS) Bilangan 2 tahun 2019 pada 9 Julai 2019. Bagaimanapun, terdapat pindaan tarikh jangkaan siap disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SAGA (iSPEKS) Bilangan 1 Tahun 2020 pada 20 Mei 2020 dan memberi kesan kepada kelewatan projek.

### **d. New Request**

- i. Appendix 9, Kontrak *Supplemental 3* menetapkan *New Request* bagi 8 modul hendaklah disiapkan secara berperingkat mengikut modul pada bulan Mac dan April 2019. *New Request* ini diperlukan untuk membangunkan fungsi *Reversal and Reclassification* bagi menyediakan penyata kewangan asas tunai ubah suai. Semakan Audit mendapati kesemua *New Request* telah lewat disiapkan dengan kelewatan antara 203 hingga 532 hari. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**NEW REQUEST LEWAT DISIAPKAN**

BIL.	MODUL	TARIKH SEPATUTNYA SIAP (Kontrak)	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
1.	Pengurusan Aset dan Inventori (AIM)	15.04.2019	28.09.2020	532
2.	Pinjaman (LN)	15.04.2019	09.12.2019	238
3.	Bajet (BA)	11.04.2019	26.11.2019	229
4.	Pengurusan Kontrak (COM)	26.03.2019	31.10.2019	219
5.	Pinjaman Kakitangan (SL)	02.04.2019	31.10.2019	212
6.	Pendahuluan dan Tuntutan (AC)	02.04.2019	31.10.2019	212
7.	Perolehan (PROC)	02.04.2019	31.10.2019	212
8.	Pelaburan (INV)	11.04.2019	31.10.2019	203

Sumber: Dokumen Kontrak *Supplemental 3* Dan Dokumen JANM Accrual Completion Date

## **Maklum balas JANM yang diterima pada 24 Januari 2022**

Fungsi *Reversal and Reclassification* dibangunkan untuk memenuhi keperluan pengguna dalam mengalih transaksi perakaunan akruan kepada perakaunan tunai. Ini dilakukan dengan cara pembalikan dan pengkelasan semula terhadap kemasukan transaksi akruan yang telah direkodkan kepada transaksi perakaunan tunai.

Transaksi perakaunan akruan kepada perakaunan tunai berlaku secara automatik dan *real time transaction* selepas transaksi akruan berlaku. Fungsi *Reversal and Reclassification* ini merupakan ciri unik yang pertama di dunia dan merupakan hak milik JANM serta telah didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia.

Pembangunan fungsi *Reversal and Reclassification* hanya dapat dilaksanakan selepas proses transaksi akruan selesai dibangunkan. Kelewatan dalam pembangunan fungsi *Reversal and Reclassification* bagi *New Request* tersebut adalah kerana kebergantungan kepada pembangunan fungsi akruan dan *Change Request*.

- ii. Semakan Audit mendapati *Liquidated Ascertained Damages* bagi kelewatan yang berlaku kepada keseluruhan pembangunan sistem berjumlah RM86,292 telah dikenakan terhadap pihak kontraktor dan pembayaran telah selesai dibuat melalui potongan bayaran kemajuan kerja dan bayaran akhir.

#### e. Pelaksanaan *Go-Live* iSPEKS

- i. *Schedule 4* Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014 menetapkan tarikh *go-live* iSPEKS di 11 Kerajaan Negeri adalah mulai 1 Januari 2016. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SAGA (iSPEKS) Bilangan 4 Tahun 2015 pada 8 Disember 2015 yang dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia telah meluluskan pelanjutan tempoh masa pembangunan iSPEKS dan akan *go-live* di semua Kerajaan Negeri terlibat pada 1 Januari 2017. Pelanjutan tempoh masa ini disebabkan penangguhan dalam pelaksanaan perakaunan akruan dan kelewatan pihak kontraktor dalam menyiapkan pembangunan iSPEKS iaitu sebanyak 59.8% siap berbanding sasaran siap 91.7%.
- ii. Seterusnya, *Appendix 5* Kontrak *Supplemental 1* pula menetapkan tarikh *go-live* iSPEKS di semua Kerajaan Negeri adalah pada 3 Januari 2017. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemandu SAGA (iSPEKS) Bilangan 4 Tahun 2016 pada 20 Disember 2016 telah meluluskan cadangan satu negeri sahaja sebagai perintis pelaksanaan *go-live* iSPEKS pada bulan Januari 2017 iaitu Kerajaan Negeri Johor.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kerajaan Negeri Johor telah *go-live* pada 2 Januari 2017 diikuti Perlis dan Kedah pada tahun 2017 serta diakhiri dengan Kerajaan Negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu pada tahun 2021. Status *go-live* iSPEKS bagi 11 Kerajaan Negeri adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**STATUS *GO-LIVE* iSPEKS BAGI 11 KERAJAAN NEGERI**

BIL.	KERAJAAN NEGERI	TARIKH <i>GO-LIVE</i>
1.	Johor	02.01.2017
2.	Perlis	13.06.2017
3.	Kedah	09.07.2017
4.	Perak	02.01.2018
5.	Selangor	08.01.2020
6.	Negeri Sembilan	08.01.2020
7.	Melaka	10.08.2020
8.	Pulau Pinang	08.09.2020
9.	Kelantan	10.01.2021
10.	Pahang	11.01.2021
11.	Terengganu	11.04.2021

Sumber: Slaid Taklimat *Entrance Conference iSPEKS* oleh JANM Pada 13 April 2021

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Pembangunan fungsi <i>Reversal and Reclassification</i> bagi menjana penyata kewangan asas tunai ubah suai telah menyumbang kepada kelewatan dalam pembangunan modul dan <i>go-live</i> iSPEKS. Perkara ini menyebabkan objektif pembangunan iSPEKS bagi mewujudkan sistem perakaunan akruan dan penyata kewangan akruan yang seragam tertangguh.</b>
-----------------------	--

#### **5.1.1.2. Prestasi Pencapaian Objektif Pembangunan iSPEKS**

##### **a. Ketepatan Maklumat Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Asas Akruan yang Dijana Melalui iSPEKS Belum Disahkan**

- i. BKP memantau pembangunan laporan penyata kewangan akruan dan nota kepada penyata kewangan akruan melalui Mesyuarat Status Pembangunan Penyata Kewangan Akruan iSPEKS yang diadakan secara berkala. Sehingga 6 Oktober 2021, 74.5% laporan penyata kewangan akruan dan nota kepada penyata kewangan akruan telah selesai dibangunkan, 15.7% di peringkat penambahbaikan, 3.9% di peringkat *continuous improvement* dan 5.9% belum dibangunkan. Pembangunannya dijangka akan disiapkan dalam tempoh waranti pada tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**STATUS PEMBANGUNAN LAPORAN PENYATA KEWANGAN AKRUAN**  
**DAN NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN AKRUAN iSPEKS**

BIL.	STATUS	SKOP PEMBANGUNAN		% %	SENARAI PENYATA
		PENYATA KEWANGAN	NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN		
1.	Selesai	6	32	74.5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyata Kedudukan Kewangan (PKK)</li> <li>Penyata Prestasi Kewangan (PPK)</li> <li>PKK Amanah Awam</li> <li>PKK Amanah Kerajaan</li> <li>PPK Amanah Awam</li> <li>PPK Amanah Kerajaan</li> </ul>
2.	Penambahbaikan	2	6	15.7	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyata Perubahan Ekuiti</li> <li>Penyata Aliran Tunai</li> </ul>
3.	<i>Continuous Improvement</i>	-	2	3.9	-
4.	Belum Dibangunkan	3	-	5.9	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyata Penyesuaian Bajet</li> <li>Penyata Pembukaan</li> <li>Penyata Prestasi Bajet</li> </ul>
<b>JUMLAH</b>		<b>11</b>	<b>40</b>	<b>100</b>	

Sumber: Minit Mesyuarat Status Pembangunan Penyata Kewangan Akruan iSPEKS Bilangan 7 Tahun 2021 Pada 6 Oktober 2021

ii. Semakan Audit di Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan mendapati **laporan penyata kewangan asas akruan yang dijana melalui iSPEKS belum dibuat semakan untuk disahkan ketepatannya**. Hal ini disebabkan Perbendaharaan Negeri masih memberi tumpuan terhadap laporan penyata kewangan asas tunai ubah suai yang masih digunakan oleh semua Perbendaharaan Negeri bagi tujuan audit dan pembentangan. Semakan Audit selanjutnya mendapati BKP belum menetapkan sebarang tempoh masa kepada semua Perbendaharaan Negeri untuk membuat semakan terhadap ketepatan laporan penyata kewangan asas akruan yang dijana. Bagaimanapun, **tempoh waranti akan tamat pada 10 Julai 2022**.

### **Maklum balas JANM yang diterima pada 8 Disember 2021**

Semakan keseluruhan Penyata Kewangan Akruan di peringkat Kerajaan Negeri adalah atas inisiatif pihak Bendahari Negeri sendiri. Hal ini disebabkan semakan penyata kewangan adalah berdasarkan data kewangan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Mesyuarat Penyediaan Penyata Kewangan Akruan Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2021 pada 22 hingga 24 Oktober 2021 yang turut dihadiri oleh wakil BKP dan pihak kontraktor.

Mesyuarat susulan juga telah dirancang untuk diadakan sebanyak tiga sesi pada tahun 2022.

BKP juga telah merancang untuk mengadakan Bengkel Pemahaman Logik Sistem bagi Laporan Akruan iSPEKS dan Bengkel Semakan Penyata Kewangan Akruan iSPEKS di antara bulan April hingga Oktober tahun 2022.

**b. Maklumat Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Asas Tunai Ubah Suai yang Dijana Melalui iSPEKS Tidak Tepat**

Pembangunan fungsi *Reversal and Reclassification* membolehkan transaksi kewangan yang direkodkan secara perakaunan akruan dijana kepada perakaunan tunai ubah suai. Semakan Audit terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan tahun 2020 yang dijana melalui iSPEKS dan yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit mendapati **amaun yang dinyatakan dalam 12 item kepada penyata kewangan adalah tidak sama dengan perbezaan masing-masing berjumlah RM8.349 bilion dan RM177.28 juta.**

Perbezaan ini berlaku disebabkan pelarasan yang dibuat oleh Perbendaharaan Negeri terhadap penyata kewangan yang dijana melalui iSPEKS menggunakan platform sokongan lain di luar iSPEKS. Pelaporan yang diselaraskan menggunakan platform sokongan lain tersebut kemudiannya dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit. Semakan Audit juga mendapati nota kepada penyata kewangan turut disediakan sepenuhnya menggunakan platform sokongan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9** dan **Jadual 10**.

**JADUAL 9**  
**PERBEZAAN ANTARA PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**JANAAN iSPEKS DAN PLATFORM SOKONGAN**

ITEM PENYATA KEWANGAN	* JANAAN iSPEKS (RM Bilion)	** PLATFORM SOKONGAN (RM Bilion)	PERBEZAAN (RM Bilion)
<b>PENYATA PRESTASI KEWANGAN</b>			
Belanja Mengurus - Anggaran	2.390	1.282	1.108
Belanja Mengurus - Sebenar	2.141	1.216	0.925
Belanja Pembangunan - Anggaran	1.043	1.133	(0.090)
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan - Sebenar	0.018	0.021	(0.003)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah - Sebenar	0.814	(0.114)	0.928
<b>PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI</b>			
Pelbagai Terimaan Modal	-	0.021	(0.021)
Jualan Instrumen Kewangan	1.815	-	1.815

ITEM PENYATA KEWANGAN	* JANAAN iSPEKS (RM Bilion)	** PLATFORM SOKONGAN (RM Bilion)	PERBEZAAN (RM Bilion)
Terimaan Amanah	9.445	8.499	0.946
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1.191	0.259	0.932
Perbelanjaan Instrumen Kewangan	2.031	0.215	1.816
Pinjaman Dalam Negeri	-	0.007	(0.007)
<b>JUMLAH</b>	<b>20.888</b>	<b>12.539</b>	<b>8.349</b>

Sumber: (\*) - Janaan iSPEKS Pada 2 September 2021

(\*\*) - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020 yang Telah Diaudit

**JADUAL 10**  
**PERBEZAAN ANTARA PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN JANAAN iSPEKS DAN PLATFORM SOKONGAN**

ITEM PENYATA KEWANGAN	* JANAAN iSPEKS (RM Juta)	** PLATFORM SOKONGAN (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
<b>PENYATA PRESTASI KEWANGAN</b>			
Hasil - Anggaran	456.92	457.00	(0.08)
Belanja Mengurus - Sebenar	444.02	420.06	23.96
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan - Sebenar	23.22	(23.22)	46.44
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah - Sebenar	65.46	(41.50)	106.96
<b>JUMLAH</b>	<b>989.62</b>	<b>812.34</b>	<b>177.28</b>

Sumber: (\*) - Janaan iSPEKS Pada 21 September 2021

(\*\*) - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2020 yang Telah Diaudit

**Maklum balas JANM yang diterima pada 12 Januari dan 25 Februari 2022**

**Perbendaharaan Negeri Selangor:**

Perbezaan di antara Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai yang dijana daripada iSPEKS dengan platform sokongan lain adalah disebabkan penggunaan urusniaga jurnal yang tidak tepat dan pengiraan manual oleh Perbendaharaan Negeri Selangor. Pengiraan manual ini dibuat supaya pelaporan Penyata Kewangan Tahun 2020 melalui iSPEKS selari dengan pelaporan semasa SPEKS yang mana kaedah pengiraan yang sama diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan tahun-tahun terdahulu. Perincian perbezaan adalah seperti berikut:

ITEM	PERBEZAAN (RM Bilion)	MAKLUM BALAS
Belanja Mengurus - Anggaran	1.108	Perbezaan disebabkan amaun Kumpulan Wang Pembangunan (KWP) yang dikeluarkan di dalam Penyata Kewangan Tahun 2020 dan diambil kira di dalam iSPEKS.
Belanja Mengurus - Sebenar	0.925	Perbelanjaan KWP dikeluarkan kerana penggunaan jenis urusniaga jurnal yang tidak tepat bagi jurnal KWP dan telah dinyatakan di Nota Kepada Penyata kewangan 2020.

ITEM	PERBEZAAN (RM Bilion)	MAKLUM BALAS
Belanja Pembangunan - Anggaran	(0.090)	Perbezaan disebabkan oleh waran sekat yang diambil kira di dalam anggaran iSPEKS. Amaun tersebut dilaporkan sebagaimana anggaran asal.
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan - Sebenar	(0.003)	Perbezaan disebabkan iSPEKS hanya mengambil kira amaun Pemberian Tahap sahaja manakala Perbendaharaan Negeri Selangor mengambil kira amaun Pemberian Tahap dan Ses Kayu Balak dan Kuari.
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah - Sebenar	0.928	Perbezaan disebabkan Perbendaharaan Negeri Selangor hanya mengambil kira amaun Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah sahaja berdasarkan pengiraan secara manual manakala iSPEKS mengambil kira keseluruhan amaun yang melibatkan <i>range code</i> Tunai, Pelaburan dan Amanah.
Pelbagai Terimaan Modal	(0.021)	Perbezaan disebabkan Perbendaharaan Negeri Selangor mengambil kira amaun Pemberian Tahap dan Ses Kayu Balak dan Kuari sebagai Pelbagai Terimaan Modal.
Jualan Instrumen Kewangan	1.815	Amaun tersebut merujuk kepada amaun jual beli dalam tahun semasa dan dikeluarkan daripada Penyata Kewangan Tahun 2020 kerana dinyatakan secara bersih (nett) oleh Perbendaharaan Negeri Selangor di Perbelanjaan Instrumen Kewangan.
Terimaan Amanah	0.946	Perbezaan tersebut adalah disebabkan oleh pihak Perbendaharaan Negeri Selangor membuat pengiraan secara manual berdasarkan amaun kredit di laporan LT009 manakala amaun di iSPEKS mengambil kira keseluruhan amaun bagi <i>range code</i> Amanah.
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	0.932	Perbezaan disebabkan oleh amaun di iSPEKS termasuk pembayaran pinjaman manakala amaun tersebut dikeluarkan daripada Penyata Kewangan Tahun 2020 oleh Perbendaharaan Negeri Selangor dan dinyatakan di item Pinjaman Dalam Negeri.
Perbelanjaan Instrumen Kewangan	1.816	Amaun tersebut merujuk kepada amaun jual beli dalam tahun semasa dan dikeluarkan dari Penyata Kewangan Tahun 2020 kerana dinyatakan secara bersih (nett) oleh Perbendaharaan Negeri Selangor
Pinjaman Dalam Negeri	(0.007)	Perbezaan disebabkan oleh amaun di iSPEKS telah dimasuk kira di bawah <i>range code</i> Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

### Perbendaharaan Negeri Sembilan:

ITEM	PERBEZAAN (RM Juta)	MAKLUM BALAS
Hasil - Anggaran	(0.08)	Terdapat <i>bugs</i> pada sistem yang mana amaun hanya diambil kira di laporan LT013A (Penyata Hasil Terperinci) sahaja dan tidak diambil kira di laporan LT002 (Penyata Prestasi Kewangan) dan LT013 (Penyata Hasil). Perkara ini hanya disedari oleh Perbendaharaan Negeri Sembilan selepas mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2020 kepada pihak Audit. Perkara ini telah diselesaikan pada 5 Januari 2022 yang mana amaun anggaran hasil tersebut telah dinyatakan dengan tepat dalam Penyata Kewangan Tahun 2020 janaan iSPEKS.
Belanja Mengurus - Sebenar	23.96	Pindaan dibuat disebabkan kesilapan penggunaan urusniaga semasa membuat satu jurnal pindahan ke KWP yang mana urusniaga yang digunakan adalah urusniaga PJ0701 (Jurnal Normal) berbanding urusniaga PJ0720 (Jurnal Pindahan KWP). Oleh itu, Perbendaharaan Negeri Sembilan membuat pembetulan di luar sistem sebelum Penyata Kewangan Tahun 2020 dikemukakan kepada pihak Audit.
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan - Sebenar	46.44	Perbezaan disebabkan format persembahan penyata kewangan bagi lebihan/kurangan keseluruhan dan jumlah pembiayaan menggunakan simbol yang sama.
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah - Sebenar	106.96	Perbezaan disebabkan kesan daripada kesilapan penggunaan urusniaga jurnal KWP dan format persembahan penyata kewangan bagi lebihan/kurangan keseluruhan dan jumlah pembiayaan yang menggunakan simbol yang sama.

**Pendapat Audit** **Pengujian sistem yang dilakukan di peringkat pembangunan iSPEKS adalah kurang berkesan kerana tidak dapat mengenal pasti keperluan pelaporan penyata kewangan Kerajaan Negeri. Selain itu, pencapaian objektif dan keberhasilan pembangunan iSPEKS tidak dapat diukur kerana penyata kewangan masih dilaporkan mengikut asas tunai ubah suai.**

### 5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan sistem iSPEKS dinilai berdasarkan pencapaian objektif pembangunan sistem, integriti data, menepati arahan/peraturan kewangan dan kesahihan transaksi. Hasil semakan Audit mendapati perkara berikut:

#### 5.1.2.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Objektif pengauditan penyata kewangan ini ialah untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Semakan Audit terhadap Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 yang dikeluarkan kepada 11 Kerajaan Negeri mendapati perkara berkaitan penyelenggaraan rekod kewangan dalam iSPEKS telah dibangkitkan bagi tiga Kerajaan Negeri iaitu Johor, Perlis dan Kedah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

BIL.	KERAJAAN NEGERI	ISU DIBANGKITKAN DALAM SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
1.	Johor	Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara bulanan, disemak dan diambil tindakan segera terhadap <i>unreconciled items</i> . Pelaporan perlu dibuat sewajarnya supaya baki Wang Tunai dan transaksi berkaitan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.
2.	Perlis	Semua transaksi terimaan dan perbelanjaan hendaklah direkodkan dengan betul dan lengkap tanpa ketinggalan dalam tahun kewangan semasa.
3.	Kedah	Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara bulanan, disemak dan diambil tindakan segera terhadap <i>unreconciled items</i> . Pelaporan perlu dibuat sewajarnya supaya baki Wang Tunai dan transaksi berkaitan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor, Perlis dan Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

## **Maklum balas JANM yang diterima pada 25 Februari 2022**

JANM telah mengemukakan maklum balas terhadap kompilasi isu Audit berkaitan penyata kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2020 yang melibatkan iSPEKS pada 21 Oktober 2021 yang mana antaranya menyentuh perkara tersebut. Maklum balas tersebut adalah seperti berikut:

### **Kerajaan Negeri Johor dan Kedah:**

Pihak JANM akan menyediakan Garis Panduan Proses Penyesuaian Bank dan Semakan Terperinci yang dijangka akan dimuktamadkan pada bulan Mac 2022. Pihak JANM juga telah mengenal pasti isu dan tindakan mitigasi bagi menambahbaik proses Penyata Penyesuaian Bank di iSPEKS. Perkara ini telah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SAGA (iSPEKS) Bilangan 2 Tahun 2021 pada 25 Jun 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal SAGA (iSPEKS) Bilangan 3 Tahun 2021 pada 22 September 2021. Tindakan penambahbaikan ini dijangka selesai pada bulan Mei 2022.

### **Kerajaan Negeri Perlis:**

Isu ini berkaitan dengan *mapping* Carta Akaun Akruan bagi kod tunai untuk Pinjaman Semasa dan Pinjaman Bukan Semasa yang tidak wujud semasa jurnal pelarasan disediakan yang menyebabkan pelaporan di Penyata Pinjaman Disatukan tidak tepat. Kod tunai telah diwujudkan pada bulan Februari 2021 dan semakan dengan Perbadanan Negeri Perlis memaklumkan perkara ini telah diselesaikan.

#### **5.1.2.2. Modul Pengurusan Tunai (CM)**

##### **a. Arahan Pembayaran Diluluskan Melebihi Had Kuasa Melulus yang Dibenarkan Dalam iSPEKS**

- i. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2018 mengenai Tatacara Pengurusan Bayaran menetapkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Perakaunan (AO) hendaklah memastikan Jadual Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya dan Jadual Kebenaran Khusus Secara Bertulis oleh Ketua Jabatan/Pemegang Waran Peruntukan dipatuhi.
- ii. Analisis Audit terhadap data pembayaran mendapat **29 Arahan Pembayaran di Perbadanan Negeri Sembilan berjumlah RM1.527 bilion telah diluluskan melebihi had nilai kelulusan yang dibenarkan dalam iSPEKS.** Daripada jumlah tersebut, 21 Arahan Pembayaran adalah melibatkan tahun 2020 manakala lapan

Arahan Pembayaran melibatkan tahun 2021. Pihak Audit mendapati tiada validasi had kelulusan di iSPEKS semasa proses kelulusan dilakukan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**ARAHAN PEMBAYARAN DILULUSKAN MELEBIHI HAD KUASA**  
**MELULUS YANG DIBENARKAN DALAM iSPEKS**

BIL.	TAHUN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	2020	21	1,279.79
2.	2021	8	247.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>29</b>	<b>1,526.79</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Sembilan

**Maklum balas JANM yang diterima pada 24 Januari dan 25 Februari 2022**

Kesemua 29 Arahan Pembayaran tersebut merupakan Arahan Pembayaran daripada proses Baucar Bayaran Manual - Pengurusan Tunai. Penambahbaikan telah dilaksanakan dan dikemaskini ke server Kerajaan Negeri pada 15 Januari 2022. Perbendaharaan Negeri Sembilan juga telah mengambil tindakan memberi teguran kepada pegawai supaya mengambil perhatian berkaitan lulus melebihi had kuasa tersebut.

**b. Arahan Pembayaran Dikeluarkan Dua Kali Bagi Invois yang Sama**

- i. Arahan Teknologi Maklumat yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada bulan Disember 2007 menyatakan data yang dimasukkan ke dalam sistem aplikasi mesti disemak bagi memastikan ianya betul dan sesuai. Semakan terhadap input mesti dilaksanakan bagi mengesan kesilapan antaranya melebihi had.
- ii. Analisis Audit terhadap data pembayaran mendapati 10 invois bagi tahun 2020 berjumlah RM88,400 telah dikeluarkan Arahan Pembayaran sebanyak dua kali. Daripada jumlah tersebut, tujuh invois berjumlah RM74,730 melibatkan Perbendaharaan Negeri Selangor manakala tiga invois berjumlah RM13,670 melibatkan Perbendaharaan Negeri Sembilan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**ARAHAN PEMBAYARAN DIKELUARKAN DUA KALI BAGI INVOIS YANG SAMA**

BIL.	PERBENDAHARAAN NEGERI	TAHUN	BILANGAN INVOIS	JUMLAH (RM)
1.	Selangor	2020	7	74,730
2.	Negeri Sembilan	2020	3	13,670
	<b>JUMLAH</b>		<b>10</b>	<b>88,400</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

- iii. Pihak Audit mendapati semakan dilakukan berulang kali oleh pengguna semasa transaksi sedang diproses menyebabkan Arahan Pembayaran dikeluarkan dua kali. Semakan Audit selanjutnya mendapati kutipan balik telah dibuat terhadap lebihan bayaran yang dibuat kepada semua pembekal sebaik sahaja perkara ini disedari oleh Perbendaharaan Negeri.

### **Maklum balas JANM yang diterima pada 25 Februari 2022**

Penambahbaikan program telah dilaksanakan dengan *dim* butang semak untuk tidak membenarkan semakan dilakukan lebih dari sekali sekiranya berlakunya *loading* pada skrin. Bagaimanapun, *bugs* masih berlaku dan sedang dalam tindakan kontraktor serta dijangka diselesaikan selewat-lewatnya pada 12 Mac 2022.

### **c. Arahan Pembayaran Disemak dan Diluluskan Mendahului Tarikh Disediakan**

- i. Aliran Proses Sistem iSPEKS menetapkan aliran Penyedia, Penyemak dan Pelulus yang perlu dipatuhi dalam menyediakan Arahan Pembayaran.
- ii. Analisis Audit terhadap data pembayaran mendapati 343 Arahan Pembayaran berjumlah RM10.57 juta disemak mendahului tarikh disediakan. Daripada jumlah tersebut, 342 Arahan Pembayaran melibatkan Perbendaharaan Negeri Selangor manakala satu Arahan Pembayaran melibatkan Perbendaharaan Negeri Sembilan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**ARAHAN PEMBAYARAN DISEMAK MENDAHULUI TARIKH DISEDIAKAN**

BIL.	PERBENDAHARAAN NEGERI	TAHUN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Selangor	2020	125	3.73
		2021	217	6.83
2.	Negeri Sembilan	2020	-	-
		2021	1	0.01
<b>JUMLAH</b>			<b>343</b>	<b>10.57</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

- iii. Analisis Audit juga mendapati 134 Arahan Pembayaran di Perbendaharaan Negeri Selangor berjumlah RM3.11 juta diluluskan mendahului tarikh disediakan. Daripada jumlah tersebut, 41 Arahan Pembayaran adalah melibatkan tahun 2020 manakala 93 Arahan Pembayaran melibatkan tahun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**ARAHAN PEMBAYARAN DILULUSKAN MENDAHULUI TARIKH DISEDIAKAN**

BIL.	TAHUN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	2020	41	1.81
2.	2021	93	1.30
	<b>JUMLAH</b>	<b>134</b>	<b>3.11</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Selangor

- iv. Arahan Pembayaran disemak dan diluluskan mendahului tarikh disediakan berlaku disebabkan perbezaan tarikh di *Server Apps1* dan *Server Apps2* semasa sistem membuat capaian kepada aplikasi melalui pendekatan *load balancer* selain terdapat ralat pada format tarikh.

#### **Maklum balas JANM yang diterima pada 24 Januari 2022**

Pihak kontraktor telah membuat penambahbaikan terhadap perbezaan minit dan saat pada kedua-dua *server* tersebut dan telah selesai pada 9 Oktober 2021. Bagaimanapun, program-program yang terlibat dengan proses-proses ini perlu ditambah baik dari segi cara membaca maklumat tarikh/masa iaitu perlu berdasarkan tarikh/masa dari *Oracle Database*. Perincian penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Modul Gaji (PY): Telah selesai pada 16 Oktober 2021.
- b. Modul Pengurusan Kontrak (COM): Telah selesai pada 6 November 2021.
- c. Modul Akaun Belum Bayar (AP) dan Perolehan (PROC): Telah selesai pada 18 Disember 2021.
- d. Modul Pendahuluan dan Tuntutan (AC): Telah selesai pada 22 Januari 2022.

#### **d. Arahan Pembayaran Dikeluarkan Lebih Awal dari Tarikh Invois**

- i. Arahan Teknologi Maklumat yang dikeluarkan oleh MAMPU pada bulan Disember 2007 menyatakan data yang dimasukkan ke dalam sistem aplikasi mesti disemak bagi memastikan perkara tersebut betul dan sesuai. Semakan terhadap input mesti dilaksanakan bagi mengesan kesilapan antaranya nilai di luar julat dan melebihi had serta data tidak konsisten.
- ii. Analisis Audit terhadap data pembayaran mendapati 20 Arahan Pembayaran berjumlah RM40.44 juta dikeluarkan lebih awal dari tarikh invois. Daripada jumlah tersebut, 13 Arahan Pembayaran berjumlah RM40.27 juta melibatkan Perbendaharaan Negeri Selangor manakala tujuh Arahan Pembayaran berjumlah RM0.17 juta melibatkan Perbendaharaan

Negeri Sembilan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tarikh invois yang dikunci masuk adalah dari tahun 2020 hingga 2076. Pihak Audit mendapati iSPEKS tidak menyediakan validasi tarikh yang dikunci masuk dalam sistem selain format tarikh yang tidak tepat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**ARAHAN PEMBAYARAN DIKELUARKAN LEBIH AWAL DARI TARikh INVOIS**

BIL.	PERBENDAHARAAN NEGERI	TAHUN BAUCAR	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Selangor	2020	6	0.26
		2021	7	40.01
2.	Negeri Sembilan	2020	1	0.02
		2021	6	0.15
<b>JUMLAH</b>			<b>20</b>	<b>40.44</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

### **Maklum balas JANM yang diterima pada 25 Februari 2022**

Berdasarkan semakan, didapati rekod-rekod yang ditemui oleh pihak Audit adalah berasal dari Arahan Bayaran bagi modul Perolehan (PROC) dan Pengurusan Kontrak (COM).

Arahan Bayaran Pesanan Tempatan/Inden Kerja di modul Perolehan (PROC) telah mempunyai validasi Tarikh Invois, iaitu Tarikh Invois yang dimasukkan tidak boleh melebihi tarikh semasa. Bagaimanapun, berlaku isu format tarikh terbalik walaupun format tarikh DD/MM/YYYY telah ditetapkan pada medan Tarikh Invois. Isu ini juga boleh berlaku jika format tarikh dan masa di komputer pengguna tidak disetkan mengikut format tarikh seperti di skrin iSPEKS.

Arahan Bayaran interim di modul Pengurusan Kontrak (COM) tidak mempunyai validasi pada medan Tarikh Invois, yang mana tarikh yang dimasukkan boleh melebihi tarikh semasa. Penambahbaikan pada skrin sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada 5 Mac 2022.

#### **e. Bil dan Tuntutan Dibayar Melebihi Tempoh 14 Hari**

- i. Arahan Perbendaharaan 103 (a) menyatakan Ketua Jabatan atau ketua pejabat hendaklah meminta supaya semua bil dan tuntutan disampaikan dengan segera. Mereka hendaklah memastikan bahawa bil itu dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari dari tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna.

- ii. Analisis Audit terhadap data pembayaran melibatkan data tarikh terima invois di Unit Kewangan dan data tarikh cek/*electronic funds transfer* mendapati 987 Arahan Pembayaran berjumlah RM67.72 juta dibayar melebihi tempoh 14 hari iaitu dengan kelewatan antara satu hingga 253 hari. Daripada jumlah tersebut, 788 Arahan Pembayaran berjumlah RM6.08 juta melibatkan Perbendaharaan Negeri Selangor manakala 199 Arahan Pembayaran berjumlah RM61.64 juta melibatkan Perbendaharaan Negeri Sembilan. Pihak Audit mendapati kelewatan pembayaran bil berlaku antaranya disebabkan format tarikh yang tidak tepat di iSPEKS. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**  
**BIL DAN TUNTUTAN DIBAYAR MELEBIHI TEMPOH 14 HARI**

BIL.	PERBENDAHARAAN NEGERI	TAHUN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	JUMLAH (RM Juta)
1.	Selangor	2020	516	1 hingga 253	4.58
		2021	272	1 hingga 192	1.50
2.	Negeri Sembilan	2020	150	1 hingga 105	1.11
		2021	49	1 hingga 162	60.53
<b>JUMLAH</b>			<b>987</b>		<b>67.72</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

### Maklum balas JANM yang diterima pada 8 Disember 2021

#### Perbendaharaan Negeri Selangor:

Kelewatan berlaku antaranya disebabkan masalah teknikal tarikh bertukar dari format DD/MM/YYYY kepada format MM/DD/YYYY di iSPEKS. Konfigurasi format tarikh di iSPEKS telah ditambah baik pada 11 September 2021.

#### Perbendaharaan Negeri Sembilan:

Kelewatan adalah disebabkan masalah iSPEKS dan kelewatan di peringkat PTJ. Kebanyakan masalah berkaitan iSPEKS adalah disebabkan kesilapan kunci masuk tarikh terima manakala bagi kelewatan di peringkat PTJ, penyemak dan pelulus telah diingatkan untuk memastikan prestasi pembayaran bil tidak melebihi tempoh 14 hari.

#### 5.1.2.3. Modul Pentadbiran dan Keselamatan (SAM)

##### a. Fungsi Jejak Audit

Modul Pentadbiran dan Keselamatan (SAM) dibangunkan bertujuan menguruskan kunci masuk dan penyelenggaraan makumat pengguna iSPEKS, pembekal, pelanggan, bank dan agensi. Selain itu, modul SAM berfungsi menguruskan maklumat berkaitan tetapan dan senggaraan sistem serta

menguruskan capaian pengguna ke atas fungsi-fungsi di dalam iSPEKS. Semakan Audit di Perbendaharaan Negeri Sembilan mendapati aktiviti mewujudkan ID pengguna di Modul SAM tidak direkodkan dalam fungsi jejak audit.

### **Maklum balas JANM yang diterima pada 24 Januari 2022**

Pelaksanaan proses jejak audit yang dibangunkan sebelum ini dihentikan kerana menjelaskan prestasi sistem. Semua proses dalam jejak audit sedang ditambah baik secara berfasa bagi mengambil kira keseluruhan proses di setiap modul. Tiga proses yang terlibat bagi jejak audit adalah aktiviti pengguna, perubahan rekod dan pergerakan proses.

Penambahbaikan bagi jejak audit aktiviti pengguna dan pergerakan proses telah selesai dilaksanakan pada 10 Julai 2021 dan 13 November 2021 manakala jejak audit bagi perubahan rekod dijangka selesai pada bulan Jun 2022.

### **b. Arahan Pembayaran Disemak dan Diluluskan oleh Pegawai yang Sama**

- i. Surat Pekeling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2018 mengenai Tatacara Pengurusan Bayaran menetapkan PTJ dan AO hendaklah memastikan pegawai yang menjalankan tugas semakan, Peraku I dan Peraku II terdiri daripada pegawai yang berlainan bagi mewujudkan pengasingan tugas.
- ii. Analisis Audit terhadap data pembayaran mendapati **67 Arahan Pembayaran berjumlah RM11.52 juta telah disemak dan diluluskan oleh pegawai yang sama**. Daripada jumlah tersebut, 54 Arahan Pembayaran melibatkan Perbendaharaan Negeri Selangor manakala 13 Arahan Pembayaran melibatkan Perbendaharaan Negeri Sembilan.
- iii. Pihak Audit mendapati kawalan bagi memastikan pengasingan tugas dalam semakan dan kelulusan Arahan Pembayaran tidak ditetapkan dalam iSPEKS. iSPEKS tidak mempunyai notifikasi secara *pop-up* dan tidak menyekat kemasukan Arahan Pembayaran ke dalam *dashboard* Tugasan Pelulus sekiranya disemak oleh pegawai yang sama. Selain itu, iSPEKS juga tidak mempunyai antara muka yang membolehkan Perbendaharaan Negeri mengeluarkan kuiri terhadap Arahan Pembayaran yang diluluskan di peringkat PTJ. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**ARAHAN PEMBAYARAN DISEMAK DAN DILULUSKAN OLEH PEGAWAI YANG SAMA**

BIL.	PERBENDAHARAAN NEGERI	TAHUN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Selangor	2020	47	0.43
		2021	7	0.03
2.	Negeri Sembilan	2020	8	1.06
		2021	5	10.00
<b>JUMLAH</b>			<b>67</b>	<b>11.52</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

**Maklum balas JANM yang diterima pada 12 Januari 2022**

iSPEKS telah mempunyai tetapan dan kawalan mengikut skop tanggungjawab peranan pengguna di modul Pentadbiran dan Keselamatan (SAM). Bagaimanapun, atas faktor-faktor tertentu, peranan seseorang pengguna boleh diperluaskan dengan syarat mematuhi peraturan dan pekeliling kewangan Kerajaan yang berkuat kuasa dan mendapat kelulusan khas daripada Pemegang Waran Peruntukan. iSPEKS membenarkan transaksi semak dan lulus dilakukan oleh pengguna yang sama memandangkan terdapat keperluan ini di PTJ bersaiz kecil. Bagaimanapun, kawalan operasi secara dalaman adalah disarankan di peringkat Kerajaan Negeri bagi memastikan proses semak dan lulus tidak dilakukan oleh pengguna yang sama sebagaimana digariskan dalam peraturan.

Pada masa ini, kawalan peranan tidak diambil kira bagi dokumen yang sama. Penambahbaikan bagi perkara ini telah dipersetujui untuk dibangunkan dalam tempoh penyelenggaraan dalam Mesyuarat *Change Control Board* pada 7 Disember 2021.

**Perbendaharaan Negeri Selangor:**

Senarai semak pergerakan dokumen telah dipraktiskan di peringkat Bendahari Negeri dan PTJ sejak SPEKS digunakan dan diteruskan semasa penggunaan iSPEKS. Perkara ini turut dimaklumkan kepada PTJ semasa Taklimat Penutupan Akaun pada 25 Oktober 2021.

**Perbendaharaan Negeri Sembilan:**

Senarai semak iSPEKS telah disediakan sebagai kawalan dalaman mulai bulan Februari 2020 bagi memastikan Arahan Pembayaran tidak disemak dan diluluskan oleh pegawai yang sama.

**c. Nombor Kad Pengenalan Baharu Tidak Lengkap 12 Digit**

- i. Arahan Teknologi Maklumat yang dikeluarkan oleh MAMPU pada bulan Disember 2007 menyatakan input data yang dimasukkan ke dalam sistem

aplikasi hendaklah disahkan bagi memastikan ianya betul dan sesuai. Semakan terhadap input mesti dilaksanakan bagi mengesan kesilapan antaranya nilai di luar julat dan data tidak lengkap.

- ii. Analisis Audit terhadap data kakitangan mendapati tujuh nombor kad pengenalan baharu tidak lengkap 12 digit iaitu antara tujuh hingga 11 digit sahaja. Daripada jumlah tersebut, enam kad pengenalan melibatkan kakitangan di Perbendaharaan Negeri Sembilan manakala satu kad pengenalan melibatkan kakitangan di Perbendaharaan Negeri Selangor. Pihak Audit mendapati iSPEKS membenarkan nombor kad pengenalan kurang dari 12 digit dikunci masuk dalam sistem bagi mengambil kira format nombor kad pengenalan lama. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**NOMBOR KAD PENGENALAN BAHARU TIDAK LENGKAP 12 DIGIT**

BIL.	PERBENDAHARAAN NEGERI	BILANGAN KAD PENGENALAN
1.	Negeri Sembilan	6
2.	Selangor	1
<b>JUMLAH</b>		<b>7</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Sembilan dan Selangor

### **Maklum balas JANM yang diterima pada 12 Januari dan 25 Februari 2022**

Medan nombor kad pengenalan telah mempunyai validasi bilangan digit iaitu tidak boleh melebihi 12 digit. Bagaimanapun, kemasukan nombor kad pengenalan kurang dari 12 digit dibenarkan dalam sistem bagi mengambil kira nombor pengenalan lama yang dibawa masuk melalui migrasi data. Validasi bilangan digit nombor kad pengenalan yang kurang daripada 12 digit sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada 26 Februari 2022.

#### **Perbendaharaan Negeri Selangor:**

Kakitangan telah tersalah kunci masuk nombor kad pengenalan semasa pendaftaran di modul Gaji (PY). Oleh kerana nombor kad pengenalan yang telah didaftar di fail induk tidak boleh dibatal, maka nombor kad pengenalan ini telah ditukar status kepada letak jawatan dan fail induk baharu diwujudkan menggunakan nombor kad pengenalan yang betul.

#### **Perbendaharaan Negeri Sembilan:**

Berlaku disebabkan kesilapan PTJ mengisi nombor kad pengenalan yang terkurang digit dan terdapat nombor kad pengenalan lama. Nombor kad pengenalan bagi tiga pegawai telah dibuat pembetulan manakala tiga pegawai lagi akan dikemas kini dalam perubahan gaji bulan Januari 2022.

#### d. ID Pengguna Diwujudkan Secara Berulang

Analisis Audit terhadap senarai pengguna iSPEKS mendapati satu nama pengguna di Perbendaharaan Negeri Selangor diwujudkan secara berulang dengan nombor ID yang berbeza. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20**  
**ID PENGGUNA DIWUJUDKAN SECARA BERULANG**

BIL.	NOMBOR ID	TARIKH ID PENGGUNA DIWUJUDKAN
1.	1588	30.04.2021
2.	1589	30.04.2021

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Selangor

#### Maklum balas JANM yang diterima pada 12 Januari 2022

Berdasarkan semakan didapati skrin pendaftaran pengguna telah mempunyai validasi pada medan ID Pengguna, yang mana ID pengguna yang sama tidak dibenarkan untuk dikunci masuk secara berulang. Bagaimanapun, terdapat *bugs* pada sistem dan *table* pengguna induk (pangkalan data) serta telah ditambah baik dengan menambah kawalan *unique constraint* bagi kombinasi medan-medan data yang sepatutnya unik. Tindakan penambahanbaikan oleh pihak kontraktor telah dibuat pada 7 Januari 2022.

#### 5.1.2.4. Modul Gaji (PY)

##### a. Pembayaran Gaji Masih Dibuat Kepada Kakitangan yang Melebihi Umur 60 Tahun dan Telah Bersara

- i. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2018 mengenai Tatacara Pengurusan Bayaran menetapkan PTJ hendaklah memastikan penerima yang dinamakan dalam baucar itu adalah pihak yang berhak menerima bayaran.
- ii. Analisis Audit terhadap data pembayaran gaji kepada kakitangan yang melebihi umur 60 tahun mendapati 13 kakitangan masih menerima bayaran gaji berjumlah RM66,725 walaupun telah bersara. Daripada jumlah tersebut, 11 pesara melibatkan Perbendaharaan Negeri Sembilan manakala dua pesara melibatkan Perbendaharaan Negeri Selangor. Pihak Audit mendapati maklumat persaraan yang tidak lengkap bagi pegawai yang terlibat menyebabkan pesara masih menerima bayaran gaji. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**  
**PESARA BERUMUR 60 TAHUN DAN KE ATAS MASIH MENERIMA BAYARAN GAJI**

BIL.	PERBENDAHARAAN NEGERI	BILANGAN PESARA	JUMLAH (RM)
1.	Negeri Sembilan	11	52,674
2.	Selangor	2	14,051
	<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>	<b>66,725</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Sembilan dan Selangor

### **Maklum balas JANM yang diterima pada 24 Januari dan 25 Februari 2022**

iSPEKS menjana Kew.8 secara automatik bagi pegawai yang telah mencapai umur persaraan 60 tahun semasa proses penutupan bulanan gaji dilaksanakan pada setiap bulan sekiranya medan umur persaraan diisi.

Bagaimanapun, Perbendaharaan Negeri masih perlu melaksanakan tindakan semak dan lulus terhadap Kew.8 berkenaan. Ini bagi membolehkan proses pengemaskinian gaji melalui Kew.320 dilaksanakan bagi memberhentikan bayaran gaji pegawai tersebut.

Pada masa kini, medan umur persaraan bukan merupakan medan mandatori untuk diisi semasa proses migrasi dan kunci masuk data baharu. Penambahbaikan bagi validasi ini sedang dalam tindakan pihak kontraktor dan dijangka akan dikemas kini di server 11 Kerajaan Negeri pada 26 Februari 2022.

#### **Perbendaharaan Negeri Sembilan:**

Tiada maklumat persaraan bagi kakitangan yang dimigrasi daripada SPEKS serta tiada tindakan semak lulus yang diambil terhadap Kew.8 yang telah dijana secara automatik oleh sistem.

Kutipan bayaran balik telah dibuat dan diperakaunkan bagi sembilan pegawai manakala bayaran balik bagi dua orang pegawai telah dibuat secara ansurans dengan bayaran pertama berjumlah RM1,000. Jabatan telah dimaklumkan supaya pesara membuat bayaran melalui potongan dalam sistem pencen.

#### **Perbendaharaan Negeri Selangor:**

Didapati dua orang pesara berkenaan telah dibayar gaji pada bulan mereka bersara pada tahun 2020. Tindakan *stop payment* telah dibuat di bank pada bulan berkenaan. Bayaran balik bagi seorang pesara telah dibuat pada 21 Disember 2020 manakala surat tuntutan bayaran balik telah dikeluarkan kepada seorang lagi pesara.

### **5.1.2.5. Modul Akaun Belum Terima (AR)**

#### **a. Nombor Resit Rasmi Dijana Secara Berulang**

Analisis Audit terhadap Resit Rasmi mendapati tiga nombor Resit Rasmi di Perbendaharaan Negeri Selangor dijana secara berulang. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati lima daripada Resit Rasmi tersebut telah dibatalkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor. Pihak Audit mendapati iSPEKS telah menjana nombor rekod yang sama bagi transaksi yang berbeza semasa proses simpan dilakukan oleh penyedia. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**NOMBOR RESIT RASMI DIJANA SECARA BERULANG**

BIL.	NOMBOR RESIT RASMI	TARIKH RESIT RASMI DIKELUARKAN	TARIKH RESIT RASMI DIBATALKAN	JUMLAH (RM)
1.	21TKTR0500429	31.03.2021	31.03.2021	1,736
2.	21TKTR0500429	31.03.2021	31.03.2021	1,764
3.	21VQTR0504033	02.07.2021	02.07.2021	36
4.	21VQTR0504033	02.07.2021	-	62
5.	21VQTR0505008	25.08.2021	01.09.2021	34
6.	21VQTR0505008	25.08.2021	01.09.2021	4
<b>JUMLAH</b>				<b>3,636</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Selangor

### **Maklum balas JANM yang diterima pada 25 Februari 2022**

Berlaku *bugs* pada sistem dan tindakan *fine tuning* pada proses terimaan di modul Akaun Belum Terima (AR) telah dilaksanakan dan dikemaskini ke *server* Kerajaan Negeri pada 5 Februari 2022.

### **5.1.2.6. Modul Pengurusan Kontrak (COM)**

#### **a. Tarikh Mula Kontrak Mendahului Tarikh Surat Setuju Terima**

Pekeliling Perbendaharaan (PP) Perolehan Kerajaan (PK) 2.1 (Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan) menetapkan satu kontrak formal hendaklah disempurnakan selepas Surat Setuju Terima ditandatangani. Analisis Audit terhadap data pengurusan kontrak mendapati 16 tarikh mula kontrak direkodkan mendahului tarikh Surat Setuju Terima. Daripada jumlah tersebut, 15 kontrak berjumlah RM1.77 juta melibatkan Perbendaharaan Negeri Selangor manakala satu kontrak berjumlah RM0.25 juta melibatkan Perbendaharaan Negeri Sembilan. Pihak Audit mendapati validasi tarikh yang disediakan dalam iSPEKS tidak berfungsi menyebabkan tarikh yang tidak tepat dapat dikunci masuk ke dalam sistem. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**  
**TARIKH MULA KONTRAK MENDAHULUI TARIKH SURAT SETUJU TERIMA**

BIL.	PERBENDAHARAAN NEGERI	TAHUN KONTRAK	BILANGAN KONTRAK	JUMLAH (RM Juta)
1.	Selangor	2020	2	0.08
		2021	13	1.69
2.	Negeri Sembilan	2020	1	0.25
<b>JUMLAH</b>			<b>16</b>	<b>2.02</b>

Sumber: Analisis Data iSPEKS Bagi Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

### Maklum balas JANM yang diterima pada 12 Januari 2022

#### Perbendaharaan Negeri Selangor:

Terdapat *bugs* di iSPEKS yang menyebabkan validasi tersebut tidak berfungsi pada ketika itu yang mana Tarikh Surat Setuju Terima yang dikunci masuk melebihi Tarikh Mula Kontrak.

#### Perbendaharaan Negeri Sembilan:


Berlaku kesilapan kunci masuk di peringkat PTJ kerana tarikh Surat Setuju Terima sebenar adalah pada 22 Januari 2020 (tarikh dikunci masuk adalah 10 Januari 2021) manakala tempoh kontrak bermula pada 3 Februari 2020 sehingga 31 Disember 2020.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Mekanisma kawalan aplikasi bagi iSPEKS adalah kurang berkesan bagi memastikan transaksi dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Keadaan ini boleh menjelaskan ketepatan dan integriti data, kesahihan transaksi serta membuka ruang kepada pembayaran tidak teratur.</b>
-----------------------	--

#### 5.1.2.7. Kaji Selidik Terhadap Penggunaan iSPEKS

- a. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik secara dalam talian terhadap pengguna iSPEKS di 11 Kerajaan Negeri. Soal selidik ini disediakan untuk mendapatkan maklumat mengenai prestasi perkhidmatan iSPEKS serta sejauh mana sistem ini membantu memudahkan urusan pengguna iSPEKS. Seramai 457 pengguna telah memberikan maklum balas yang terdiri daripada pelbagai gred jawatan. Butiran bilangan responden mengikut negeri adalah seperti dalam **Carta 2**.


**CARTA 2**  
**BILANGAN RESPONDEN MENGIKUT NEGERI**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Kepuasan pengguna dinilai berdasarkan lima aspek utama iaitu penggunaan aplikasi, penjanaan laporan, pematuhan kepada peraturan dan penyediaan latihan, meja bantuan dan impak iSPEKS terhadap proses kerja pengguna. Secara keseluruhannya, sebanyak 12% pengguna berada pada tahap sangat memuaskan, 53% pada tahap memuaskan, 7% pada tahap tidak memuaskan, 2% pada tahap sangat tidak memuaskan manakala 26% tidak pasti. Antara perkara yang perlu ditambah baik adalah proses kerja yang lebih panjang dan berulang berbanding sistem terdahulu, janaan laporan yang tidak tepat, keperluan latihan yang berterusan dan log aduan lewat diselesaikan. Butiran lanjut kepuasan pengguna adalah seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3**  
**KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP PELAKSANAAN iSPEKS**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**Pelaksanaan iSPEKS adalah pada tahap yang memuaskan. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan berterusan perlu diambil bagi memastikan iSPEKS dapat digunakan dengan cekap bagi menghasilkan penyata kewangan yang tepat dan boleh dipercayai.**

## 5.2. Pengurusan Pembangunan Sistem

### 5.2.1. Prestasi Kewangan

#### a. Pertambahan Kos Pembangunan iSPEKS

- i. Pembangunan iSPEKS secara keseluruhannya meliputi satu kontrak utama dan empat kontrak tambahan yang dilaksanakan oleh satu kontraktor sahaja. Skop asal pembangunan iSPEKS melibatkan penambahbaikan terhadap SPEKS dengan mengambil kira keperluan pengurusan perakaunan secara akruan dengan kos berjumlah RM22.80 juta bagi tempoh 1 Mei 2014 hingga 30 April 2017.
- ii. Pembangunan iSPEKS mengalami dua kali penambahan skop iaitu bagi kontrak *Supplemental 1* berjumlah RM1.50 juta yang disebabkan oleh penambahan skop *Reversal and Reclassification* bagi menjana laporan secara asas tunai ubah suai dan kontrak *Supplemental 3* berjumlah RM11.80 juta bagi pembangunan *Change Request* dan pembangunan *Reversal and Reclassification* ke atas lapan modul utama. Penambahan kedua-dua skop ini telah **menyebabkan pertambahan kos pembangunan iSPEKS berjumlah RM13.30 juta atau 58.3% daripada kos asal pembangunannya.**
- iii. Penambahan skop ini dibuat bagi menyediakan penyata kewangan asas tunai ubah suai disebabkan penangguhan pelaksanaan perakaunan akruan selain menambah baik proses kerja sedia ada dalam iSPEKS. Perkara ini dibuat selaras dengan surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 27 Oktober 2014 yang memaklumkan bahawa Kerajaan memutuskan agar pelaksanaan perakaunan akruan akan ditetapkan mengikut tarikh pewartaan undang-undang yang berkaitan. Dalam tempoh tersebut, sistem perakaunan berasaskan tunai ubah suai akan terus digunakan untuk mengeluarkan penyata kewangan bagi tujuan pembentangan. Hal ini menyebabkan iSPEKS yang dibangunkan bagi menyediakan penyata kewangan akruan perlu dibuat tambahan skop bagi membolehkan penyata kewangan asas tunai ubah suai disediakan.

iv. Pembangunan iSPEKS turut menghadapi pelanjutan tempoh kontrak tanpa melibatkan pertambahan kos iaitu bagi kontrak *Supplemental 2* dan *Supplemental 4*. Pembangunan dan penambahan skop bagi iSPEKS berjumlah RM36.10 juta dibiayai menggunakan peruntukan di bawah Perbelanjaan Pembangunan. Butiran lanjut mengenai maklumat kontrak dan kos pembangunan iSPEKS adalah seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**  
**MAKLUMAT KONTRAK DAN KOS PEMBANGUNAN iSPEKS**

BIL.	KONTRAK	TEMPOH KONTRAK	KOS PEMBANGUNAN ASAL (RM Juta)	KOS TAMBAHAN (RM Juta)	KOS KESELURUHAN (RM Juta)
1.	Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014	01.05.2014 hingga 30.04.2017	22.80	-	36.10
2.	<i>Supplemental 1</i> (R&R)	01.10.2015 hingga 30.04.2017	-	1.50	
3.	<i>Supplemental 2</i> (EOT)	01.05.2017 hingga 30.04.2019	-	-	
4.	<i>Supplemental 3</i> (VO R&R)	01.11.2018 hingga 31.10.2020	-	11.80	
5.	<i>Supplemental 4</i> (EOT)	01.11.2020 hingga 31.10.2021	-	-	
<b>JUMLAH</b>			<b>22.80</b>	<b>13.30</b>	

Sumber: Dokumen Kontrak

- v. Setakat 28 September 2021, bayaran berjumlah RM33.42 juta atau 93.6% daripada jumlah keseluruhan kontrak telah dibayar kepada kontraktor yang dilantik. Daripada jumlah tersebut, RM20.95 juta (92.1%) merupakan bayaran bagi kontrak utama, RM1.15 juta (100%) bagi bayaran kontrak *Supplemental 1* dan RM11.32 juta (96%) bagi bayaran kontrak *Supplemental 3*.
- vi. Selain itu, terdapat penjimatan berjumlah RM46,625 bagi kontrak utama disebabkan pembatalan pembangunan Modul Inventori yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SAGA (iSPEKS) Bilangan 2 Tahun 2020 pada 1 September 2020 dan pembatalan pembangunan 50 laporan bagi fungsi *Reversal and Reclassification* berjumlah RM353,905 di bawah kontrak *Supplemental 1* yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SAGA (iSPEKS) Bilangan 3 Tahun 2020 pada 23 Oktober 2020. Butiran lanjut mengenai status pembayaran dan penjimatan bagi pembangunan iSPEKS adalah seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**  
**STATUS PEMBAYARAN DAN PENJIMATAN BAGI PEMBANGUNAN iSPEKS**  
**SETAKAT 28 SEPTEMBER 2021**

BIL.	KONTRAK	KOS PEMBANGUNAN (RM Juta)	PENJIMATAN (RM Juta)	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)	BAKI BELUM DIBAYAR (RM Juta)	PERATUS BAYARAN (%)
1.	Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014	22.80	0.05	20.95	1.80	92.1
2.	<i>Supplemental 1 (R&amp;R)</i>	1.50	0.35	1.15	-	100
3.	<i>Supplemental 2 (EOT)</i>	-	-	-	-	-
4.	<i>Supplemental 3 (VO R&amp;R)</i>	11.80	-	11.32	0.48	96.0
5.	<i>Supplemental 4 (EOT)</i>	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>36.10</b>	<b>0.40</b>	<b>33.42</b>	<b>2.28</b>	<b>93.6</b>

Sumber: Laporan Pembayaran Setakat 28 September 2021

Nota: EOT - Pelanjutan Masa

**Maklum balas JANM yang diterima pada 8 Disember 2021**

Sehingga 30 November 2021, peratus bayaran telah mencapai 100% yang mana bayaran akhir *retention sum* telah dibayar pada 26 November 2021 selepas iSPEKS *Project Closure* disahkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SAGA (iSPEKS) Bilangan 4 Tahun 2021 pada 22 November 2021.

**b. Pertambahan Kos Penyelenggaraan Khidmat Sokongan Aplikasi dan Perkakasan SPEKS**

- i. Perkhidmatan penyelenggaraan dan khidmat sokongan aplikasi SPEKS di 11 Kerajaan Negeri dan penyelenggaraan perkakasan SPEKS di Ibu Pejabat JANM bagi tempoh 1 November 2014 hingga 31 Oktober 2016 telah dilaksanakan oleh syarikat 120381-M yang merupakan kontraktor sama dilantik bagi membangunkan iSPEKS.
- ii. Semakan Audit mendapati JANM telah melantik syarikat tersebut secara rundingan terus bagi meneruskan perkhidmatan penyelenggaraan dan khidmat sokongan aplikasi SPEKS di 11 Kerajaan Negeri dan penyelenggaraan perkakasan SPEKS di ibu pejabat JANM bagi tempoh 1 November 2016 hingga 31 Disember 2018 berjumlah RM1.93 juta. Selain itu, kontrak tersebut juga telah dilanjutkan untuk tujuh Kerajaan Negeri bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2020 berjumlah RM1.19 juta.

- iii. Perolehan dan pelanjutan tempoh kontrak ini dibuat selaras dengan strategi pelaksanaan *go-live* iSPEKS secara berfasa bagi memastikan perkhidmatan penyelenggaraan dan khidmat sokongan aplikasi SPEKS serta penyelenggaraan perkakasan dapat diteruskan bagi tujuan semakan data transaksi, penjanaan laporan dan pengauditan penyata kewangan serta keselamatan data (back up). Selain itu, perkhidmatan ini juga bagi memastikan SPEKS relevan dalam memberikan perkhidmatan yang baik dan lancar sehingga iSPEKS *go-live* sepenuhnya di semua 11 Kerajaan Negeri.
- iv. Perolehan dan pelanjutan tempoh kontrak penyelenggaraan dan khidmat sokongan aplikasi SPEKS serta penyelenggaraan perkakasan SPEKS ini telah menyebabkan **pertambahan kos kepada Kerajaan berjumlah RM3.12 juta.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 26.**

**JADUAL 26**  
**TEMPOH KONTRAK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KHIDMAT SOKONGAN APLIKASI SPEKS SERTA PENYELENGGARAAN PERKAKASAN SPEKS**

BIL.	KONTRAK	KOS KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK	SKOP PERKHIDMATAN
1.	Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Khidmat Sokongan Aplikasi SPEKS di 11 Kerajaan Negeri dan Penyelenggaraan Perkakasan SPEKS di Ibu Pejabat JANM	1.93	01.11.2016 hingga 31.12.2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyelenggaraan dan Khidmat Sokongan Aplikasi SPEKS di 11 Kerajaan Negeri:           <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Subject matter expert</i> (project manager)</li> <li>- <i>Database support</i></li> <li>- <i>Application support</i></li> </ul> </li> <li>Penyelenggaraan Perkakasan SPEKS di Ibu Pejabat JANM:           <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Application server</i></li> <li>- <i>Database server</i></li> <li>- <i>Rack equipment</i></li> <li>- <i>Uninterruptible Power Supply</i></li> </ul> </li> </ul>
2.	Pelanjutan Tempoh Kontrak Perkhidmatan Sokongan dan Penyelenggaraan Sistem Aplikasi di Tujuh Kerajaan Negeri dan Perkakasan di Ibu Pejabat JANM Bagi SPEKS	1.19	01.01.2019 hingga 31.12.2020	<ul style="list-style-type: none"> <li>Khidmat Sokongan Aplikasi SPEKS di Tujuh Kerajaan Negeri:           <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Subject matter expert</i> (project manager)</li> <li>- <i>Database support</i></li> <li>- <i>Helpdesk suport</i></li> <li>- <i>Application support</i></li> </ul> </li> <li>Penyelenggaraan Perkakasan SPEKS di Ibu Pejabat JANM:           <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Application server</i></li> <li>- <i>Database server</i></li> <li>- <i>Rack equipment</i></li> <li>- <i>Uninterruptible Power Supply</i></li> </ul> </li> </ul>
<b>JUMLAH</b>		<b>3.12</b>		

Sumber: Surat Setuju Terima

## **Maklum balas JANM yang diterima pada 8 Disember 2021**

JANM merupakan pemilik *source code* bagi aplikasi SPEKS. Oleh itu, JANM bertanggungjawab terhadap penyenggaraan dan perkhidmatan sokongan SPEKS sehingga iSPEKS dapat dilaksanakan di semua 11 Kerajaan Negeri. Pertambahan kos berkenaan tidak dapat dielakkan bagi memastikan kesinambungan dan operasi kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri tidak terjejas. Ini juga adalah bagi memastikan proses migrasi data daripada sistem lama ke sistem baharu berjalan lancar.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Penangguhan dalam pelaksanaan perakaunan akruan telah menyebabkan pertambahan kos kepada Kerajaan berjumlah RM13.30 juta atau 58.3% bagi pembangunan iSPEKS yang mengambil kira asas tunai ubah suai. Selain itu, RM3.12 juta lagi bagi melanjutkan tempoh kontrak perkhidmatan penyelenggaraan khidmat sokongan aplikasi dan perkakasan SPEKS. Kos penyelenggaraan ini bagi membolehkan penjanaan laporan secara asas tunai ubah suai, yang dilaksanakan melalui SPEKS sedia ada bagi negeri-negeri yang belum go-live iSPEKS.</b>
-----------------------	--

### **5.2.2. Pembekalan Perkakasan**

#### **5.2.2.1. Pembekalan Perkakasan Bagi Pelaksanaan iSPEKS**

PP PK 1.1 (Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan) menyatakan agensi dikehendaki memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan. Pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan nilai faedah yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

##### **a. Disaster Recovery Centre di Perbendaharaan Negeri Selangor**

- i. Perkakasan *disaster recovery centre* (DRC) berjumlah RM1.21 juta telah diserah dan ditempatkan di Perbendaharaan Negeri Selangor pada 19 Januari 2016. Lawatan Audit pada 10 September 2021 mendapati perkakasan DRC tersebut tidak sesuai ditempatkan di Perbendaharaan Negeri Selangor dan telah dipindahkan ke Cyberjaya mulai 1 Ogos 2018.
- ii. Semakan Audit mendapati iSPEKS hanya *go-live* di Kerajaan Negeri Selangor pada 8 Januari 2020. Hal ini menyebabkan Perbendaharaan Negeri Selangor perlu **menanggung kos tambahan sewaan**

**lokasi dan rangkaian internet di Cyberjaya berjumlah RM313,000 bagi tempoh 1 Ogos 2018 hingga 31 Oktober 2019.** Semakan Audit juga mendapati **tempoh waranti bagi perkakasan DRC yang dibekalkan telah tamat pada 31 Disember 2019.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 27.**

**JADUAL 27**  
**KRONOLOGI PENYERAHAN PERKAKASAN DISASTER RECOVERY CENTRE DAN GO-LIVE iSPEKS DI PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR**

TARIKH				KOS SEWAAN LOKASI DAN RANGKAIAN INTERNET SEBELUM GO-LIVE (RM)
DRC DISERAHKAN	DRC DIPINDAHKAN KE CYBERJAYA	WARANTI DRC TAMAT TEMPOH	GO-LIVE iSPEKS	
19.01.2016	01.08.2018	31.12.2019	08.01.2020	313,000

Sumber: Kontrak Perkhidmatan Berkaitan Pemulihan Bencana (Disaster Recovery) Sistem iSPEKS - Perkhidmatan Sewaan Lokasi dan Rangkaian Internet (Untuk Menempatkan Server iSPEKS-DR) dan Surat oleh JANM Kepada Perbendaharaan Negeri Selangor Bertarikh 5 Oktober 2016 Berhubung Penyerahan Perkakasan dan Perisian iSPEKS

### **Maklum balas JANM yang diterima pada 8 Disember 2021 dan 25 Februari 2022**

Pemakluman awal telah dibuat kepada pihak negeri sebelum penghantaran perkakasan bagi pusat data dan DRC. Bagaimanapun pada masa penghantaran, Perbendaharaan Negeri Selangor masih belum dapat menyediakan lokasi DRC dan memutuskan bahawa perkakasan DRC ditempatkan di Pusat Data Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sehingga penempatan sebenar DRC dimuktamadkan.

Penempatan DRC pada 1 Ogos 2018 adalah berdasarkan keputusan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan iSPEKS Bilangan 1 Tahun 2018 yang memutuskan *go-live* iSPEKS di Kerajaan Negeri Selangor adalah pada bulan April 2019.

Kos tambahan sewaan lokasi dan rangkaian internet di Cyberjaya berjumlah RM313,000 adalah kerana penempatan DRC perlu dibuat lebih awal bagi tujuan latihan dan pengujian integrasi dengan bank, agensi pukal dan agensi potongan gaji sebelum *go-live* pada bulan April 2019.

Bagaimanapun, terdapat beberapa pindaan tarikh *go-live* di Kerajaan Negeri Selangor setelah penempatan DRC ini dibuat yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan iSPEKS seperti berikut:

- Bilangan 2 Tahun 2018: *Go-live* pada bulan Julai 2019
- Bilangan 2 Tahun 2019: *Go-live* pada bulan Januari 2020

Terdapat kontrak penyenggaraan selepas tamat tempoh waranti yang diuruskan dan dibiayai oleh pihak Kerajaan Negeri serta masih berfungsi dengan baik sehingga kini.

**b. Barcode Printer dan Desktop Barcode Scanner**

Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan telah dibekalkan dengan perkakasan *barcode printer* dan *desktop barcode scanner* masing-masing pada bulan Januari dan Februari 2016. Lawatan Audit di Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan mendapati 34 unit *barcode printer* dan 34 unit *desktop barcode scanner* berjumlah RM150,960 belum digunakan dan disimpan masing-masing di bilik setor dan bilik kebal. Semakan Audit mendapati **iSPEKS hanya go-live di Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan pada 8 Januari 2020 manakala tempoh waranti bagi perkakasan yang dibekalkan telah tamat pada 31 Disember 2019.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 28** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 8.**

**JADUAL 28  
BARCODE PRINTER DAN DESKTOP BARCODE SCANNER  
DI PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN  
BELUM DIGUNAKAN**

BIL.	PERBENDAHARAAN NEGERI	ITEM	TARIKH TERIMA	BILANGAN DITERIMA	BILANGAN BELUM DIGUNAKAN	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Selangor	<i>Barcode printer</i>	19.01.2016	69	21	3,769	79,149
		<i>Desktop barcode scanner</i>	19.01.2016	69	21	671	14,091
2.	Sembilan	<i>Barcode printer</i>	07.02.2016	80	13	3,769	48,997
		<i>Desktop barcode scanner</i>	04.02.2016	80	13	671	8,723
<b>JUMLAH</b>							<b>150,960</b>

Sumber: Surat oleh JANM Kepada Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan Bertarikh 5 Oktober 2016 Berhubung Penyerahan Perkakasan dan Perisian iSPEKS Serta Lawatan Audit Pada 9 dan 20 September 2021

**GAMBAR 1**



**GAMBAR 2**



**GAMBAR 3**



**GAMBAR 4**



Perbendaharaan Negeri Selangor  
- *Barcode Printer dan Desktop Barcode Scanner* yang disimpan Dalam Bilik Setor  
(09.09.2021)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 5**



**GAMBAR 6**



**GAMBAR 7**



**GAMBAR 8**



Perbendaharaan Negeri Sembilan  
- *Barcode Printer dan Desktop Barcode Scanner* yang disimpan Dalam Bilik Kebal  
(20.09.2021)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

## **Maklum balas JANM yang diterima pada 12 Januari dan 25 Februari 2022**

Semua perkakasan iSPEKS termasuk *barcode printer* dan *desktop barcode scanner* telah diserahkan kepada pihak negeri pada awal tahun 2016 berdasarkan jadual pelaksanaan kontrak dan keputusan awal bahawa pelaksanaan iSPEKS secara *big bang* pada tahun 2017.

Peralatan *barcode printer* dan *desktop barcode scanner* ini masih boleh digunakan oleh aplikasi lain kerana produk ini merupakan produk komersial dan manual konfigurasi boleh diperoleh daripada pembekal. Alat ganti bagi kedua-dua peralatan ini juga mudah diperolehi di pasaran. Tiada keperluan penambahan waranti dibuat kerana akan meningkatkan perbelanjaan Kerajaan memandangkan perkakasan tersebut mempunyai susut nilai yang tinggi.

### **Perbendaharaan Negeri Selangor:**

Pengagihan awal dilaksanakan berdasarkan kepada PTJ yang menghadiri latihan modul Pengurusan Aset dan Inventori (AIM) pada bulan November 2019. 16 unit *barcode printer* dan *desktop barcode scanner* telah diagihkan kepada PTJ pada 3 Januari 2022 manakala baki unit disimpan untuk penggantian.

### **Perbendaharaan Negeri Sembilan:**

*Barcode printer* dan *desktop barcode scanner* telah diagihkan kepada semua PTJ di bawah Kerajaan Negeri Sembilan mengikut keperluan awal. Surat arahan pengeluaran 11 unit *barcode printer* dan *desktop barcode scanner* untuk edaran kepada PTJ yang memerlukan telah dikeluarkan pada 6 Januari 2022 manakala baki dua unit disimpan untuk penggantian.

### **Pendapat Audit**

**Pengurusan kontrak bagi pembekalan perkakasan adalah kurang cekap kerana waranti bagi DRC, *barcode printer* dan *desktop barcode scanner* telah tamat tempoh sebelum tarikh go-live iSPEKS di Perbendaharaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan.**

### **5.2.3. Pengurusan Aduan Berdasarkan Perjanjian Tahap Perkhidmatan**

- a. Merujuk kepada Perenggan 22(a) Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014, tempoh waranti hendaklah bermula daripada pengesahan *Final Acceptance Test* (FAT) oleh Kerajaan dan sah untuk tempoh satu tahun. Perenggan 23(b) pula menetapkan, pihak kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan sokongan dalam tempoh waranti dengan mematuhi *Service Level Agreement* (SLA) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 13. Merujuk kepada Perenggan 23(f), pihak

kontraktor hendaklah membayar kepada Kerajaan melalui penalty RM100 sehari, sehingga jumlah RM24,541 secara agregat sekiranya gagal memenuhi SLA yang ditetapkan.

- b. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SAGA (iSPEKS) Bilangan 2 Tahun 2021 yang diadakan pada 25 Jun 2021 telah menetapkan tempoh waranti bagi iSPEKS adalah bermula pada 11 Julai 2021 sehingga 10 Julai 2022 iaitu selepas FAT ditandatangani. Butiran lanjut SLA yang telah ditetapkan berdasarkan Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014, *Schedule 13 Service Level Definition* adalah seperti dalam **Jadual 29**.

**JADUAL 29**  
**SERVICE LEVEL DEFINITION**

BIL.	SERVICE LEVEL AND IMPACT	TYPES OF ERROR	TURNAROUND TIME (From then date log assigned to vendor by JANM in the e-Helpdesk System)
1.	High	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Data</li> <li>• Report</li> <li>• Printing</li> <li>• Function</li> </ul>	3 days
2.	Medium	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Data</li> <li>• Report</li> <li>• Printing</li> <li>• Function</li> <li>• IT Peripheral</li> </ul>	7 days
3.	Low	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Data</li> <li>• Report</li> <li>• Printing</li> <li>• Function</li> <li>• IT Peripheral</li> </ul>	10 days

Sumber: Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014

- c. Semakan Audit terhadap data aduan bagi tempoh 11 Julai sehingga 28 September 2021 mendapati 659 daripada 952 kes aduan atau 69.2% tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak iaitu kelewatan antara satu hingga 45 hari seperti dalam **Jadual 30**.

**JADUAL 30**  
**KELEWATAN ADUAN DISELESAIKAN**

BIL.	JULAT KELEWATAN	HIGH		MEDIUM		LOW		JUMLAH KESELURUHAN	
		BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
1.	1-15 hari	170	68.0	97	58.8	140	57.4	407	61.8
2.	16-30 hari	64	25.6	43	26.1	76	31.1	183	27.8
3.	31-45 hari	16	6.4	25	15.1	28	11.5	69	10.4
<b>JUMLAH</b>		<b>250</b>		<b>165</b>		<b>244</b>		<b>659</b>	<b>69.2</b>

Sumber: Data Aduan Bagi Tempoh 11 Julai Sehingga 28 September 2021

- d. Kiraan Audit mendapati jumlah SLA yang boleh dikenakan terhadap pihak kontraktor adalah berjumlah RM937,300 berbanding nilai maksimum RM24,541 seperti ketetapan kontrak.

### **Maklum balas JANM yang diterima pada 24 Januari 2022**

Bagi melindungi kepentingan Kerajaan dalam tempoh waranti, JANM telah memasukkan klausu berkaitan denda SLA di dalam kontrak tersebut bagi memastikan isu berkaitan program (bugs) dan lain-lain log dalam tempoh waranti diselesaikan oleh pihak kontraktor dalam tempoh yang dipersetujui seperti yang termaktub dalam kontrak.

Asas pengiraan jumlah maksimum denda SLA adalah berdasarkan formula berikut:

- a. Jumlah hari bekerja (mandays) dalam setahun tidak termasuk Sabtu, Ahad dan cuti am
- b. Tempoh setahun merujuk kepada tempoh waranti
- c. Denda SLA adalah RM100 sehari seperti mana klausu 23(f) Kontrak/JANM Bilangan 15 Tahun 2014
- d. Anggaran denda SLA maksimum adalah 245 hari bekerja x RM100 = RM24,500
- e. Amaun yang telah dipersetujui dan dinyatakan dalam kontrak adalah RM24,541

Amaun yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dan ditetapkan dalam kontrak yang telah ditandatangani pada ketika itu adalah RM24,541. Bagaimanapun, tiada lagi penetapan had maksima denda SLA bagi kontrak yang akan datang.

Denda SLA ini telah ditolak dari invois *retention sum* bersekali dengan jumlah *Liquidated Ascertained Damages* menjadikan jumlah bayaran akhir kepada pihak kontraktor adalah berjumlah RM1.66 juta.

**Pendapat  
Audit**

**Pengurusan aduan berdasarkan SLA adalah kurang berkesan kerana terdapat kelewatian dalam mengambil tindakan terhadap aduan yang dikemukakan. Selain itu, caj maksimum SLA yang boleh dikenakan kepada pihak kontraktor adalah jauh lebih rendah berbanding kiraan kelewatian sebenar.**

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pembangunan iSPEKS tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan memandangkan berlaku kelewatan dalam *go-live* di 11 Kerajaan Negeri antara bulan Januari 2017 hingga April 2021 berbanding tarikh *go-live* asal yang ditetapkan pada 1 Januari 2016. Kelewatan ini menyebabkan pertambahan kos kepada Kerajaan berjumlah RM3.12 juta bagi melanjutkan tempoh kontrak perkhidmatan penyelenggaraan khidmat sokongan aplikasi dan perkakasan SPEKS. Pembangunan iSPEKS juga mengalami pertambahan kos berjumlah RM13.30 juta atau 58.3% daripada kos asal pembangunannya bagi penambahan skop *Reversal and Reclassification* dan *Change Request* untuk menjana laporan asas tunai ubah suai disebabkan penangguhan pelaksanaan perakaunan akruan. Selain itu, terdapat perbezaan antara angka laporan asas tunai ubah suai yang dijana melalui iSPEKS dengan pelarasan melalui platform sokongan lain manakala laporan asas akruan belum dibuat semakan untuk disahkan ketepatannya. Selain itu, berlaku kelemahan sistem dari segi kawalan aplikasi yang tidak selaras dengan peraturan kewangan ditetapkan.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

- 7.1. JANM perlu memantau perancangan pembangunan sistem, kemajuan sebenar dan pelaksanaan *go-live* sistem dipantau dengan lebih teliti bagi mengelakkan kelewatan ketara dan pertambahan kos kepada Kerajaan;
- 7.2. JANM perlu melaksanakan pengujian di peringkat pembangunan dengan lebih teliti dan menyeluruh bagi memastikan ketepatan angka laporan yang dijana melalui iSPEKS; dan
- 7.3. JANM perlu menyediakan pengurusan kawalan aplikasi yang efektif bagi menjamin keselamatan dan integriti data.

